

Mhi
Sejak 1982

ملاک هاری این

MELAKA HARIINI

Kopi dua beradik

16



Dapatkan
senarai
penuh calon
PRN
Melaka

10,15

#prnmelaka2021

Aku janji BN

- BN buat tawaran baharu untuk rakyat Melaka
- Garis lima teras termasuk kestabilan politik
- BN janji diskaun 10 peratus bil air
- HSR KL-S'pura perlu diteruskan - Sulaiman
- Tg Bidara jadi koridor pelancongan - Rauf
- BN umum Sulaiman calon KM
- PN belum pasti siapa calon KM
- Adly dinamakan calon KM PH

2,3,4,7 & 8



Foto oleh Mohd Azren Jamaludin

The Pantun: A cultural investment

17

MPHTJ diiktiraf Bandar Mampan 2021

21

Penyokong idam Melaka United ke final

23

Rumah Contoh Sedia untuk Dikunjungi

Beli Rumah Cari Scientex

Harga daripada RM 171k*

Dapatkan* XiaoMi Smart Robot Vacuum Cleaner

SCIENTEX®
JASIN

06-529 1088
www.scientex.com.my

SCIENTEX HEIGHTS SDN. BHD.
Jalan Jasin Perdana 1, Taman Jasin Perdana, 77200 Bemban Melaka.

Scientex Jasin: Pejabat Jualan Scientex Jasin, JC 3499,
Jalan Jasin Perdana 1, Taman Jasin Perdana, 77200 Bemban Melaka.

SCIENTEX

Manifesto BN bertemakan Kestabilan Demi Kemakmuran Tawaran baharu untuk rakyat Melaka



Faiz Hasan & Liana Sahabudin

AYER KEROH - Barisan Nasional (BN) mengutamakan kestabilan politik dan kemakmuran rakyat dalam manifesto parti sebagai satu aku janji sekiranya diberi mandat dalam Pilihan Raya Negeri 20 Nov ini.

Manifesto yang merangkumi satu matlamat, lima teras dan 103 inisiatif tersebut merangkumi kesta-

bilan Melaka dalam tempoh lima tahun itu disifatkan cukup realis dan berpijak di bumi nyata seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau, yang juga Timbalan Pengurus BN merangkap Pengarah Pilihan Raya PRN Melaka, memaklumkan lima teras yang telah diliputi kehendak segenap lapisan masyarakat.

untuk Melaka dalam tempoh lima tahun itu disifatkan cukup realis dan berpijak di bumi nyata seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Seri Mohamad Hasan.

Tegasnya, setiap teras itu bukan sekadar 'cakap-cakap' biasa, sebaliknya ia disifatkan menyeluruh serta meliputi kehendak segenap lapisan masyarakat.

Teras pertama iaitu kes-

tabilan politik, contohnya, mengamalkan dasar politik matang apabila BN menjanjikan peruntukan kepada semua 28 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) termasuk ADUN bukan kerajaan.

Kematangan politik itu, jelasnya turut dimanifestasi menerusi cadangan memindahkan Perlembagaan Negeri bagi tujuan melantik lima orang ADUN tambahan ter-

- BN turut menggariskan pamacu ekonomi baharu negeri yang akan membantu membangunkan ekonomi masyarakat setempat.

masuk dalam kalangan belia dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi membuka ruang dan perspektif persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di luar ruang lingkup politik semata-mata.

Selain itu, dalam manifesto, BN turut menggariskan pamacu ekonomi baharu negeri yang akan membantu membangunkan ekonomi masyarakat setempat.

Antara projek pembangunan yang akan diteruskan ialah koridor ekonomi baharu, Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang dijangka mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan setiap tahun.

Pada masa sama, BN tidak akan melupakan sektor pelancongan yang menjadi nadi penting buat Melaka, selain berjanji akan memperbanyakkan tempat-tempat bermiaga dengan infrastruktur asas yang lengkap.

Bagi memudahkan permohonan dan kelulusan lesen perniagaan, BN juga bakal meminda peraturan dan undang-undang di bawah kerajaan negeri bagi membantu golongan peniaga.

Kecekapan tadbir urus juga menjadi antara agenda yang diberi tumpuan BN sekiranya diberi mandat yang mana gabungan itu akan memastikan tadbir urus bersih dan telus dilaksanakan dalam tempoh 100 hari

memerintah.

Dalam pada itu, sokongan sosial kepada komuniti turut dijadikan agenda, antaranya, menyediakan kemudahan ambulans percuma, bantuan pengurusan jenazah, memperluaskan kemudahan WIFI dan pusat internet percuma serta memperkasakan masyarakat Orang Asli, orang kelainan upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan wanita.

Dari aspek kemudahan awam pula, pelbagai perancangan telah dirangka termasuklah menyediakan bas percuma di luar bandar, menambah baik jaringan jalan raya seluruh Melaka serta meneruskan pembinaan lebuh raya pesisir pantai di negeri ini.

Selain itu, masalah banjir yang sering berlaku juga diberi penekanan dengan memperuntukkan sejumlah RM931.2 juta bagi melaksanakan rancangan tebatan banjir dapat dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

Berdasarkan buku manifesto Melaka 5 tahun yang dilancarkan, boleh dikatakan semua golongan di Melaka akan menerima manfaatnya.

Ia termasuklah dari aspek kehidupan pasca COVID-19 dengan tawaran pelbagai diskon khas serta pengurangan 10 peratus cukai seperti cukai tanah, cukai pintu dan bil air untuk rakyat negeri ini.



MOHAMAD dalam sidang media selepas melancarkan manifesto BN Kestabilan Demi Kemakmuran, sambil disaksikan Sulaiman.

BN namakan Sulaiman sebagai Ketua Menteri-designate

AYER KEROH - Barisan Nasional (BN) menamakan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sebagai bakal Ketua Menteri sekiranya memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka kali ini.

Timbalan Pengurus BN, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Sulaiman layak menerajui Melaka memandangkan beliau tidak mempunyai sebarang isu sewaktu memimpin negeri ini.

"Kita punya Ketua Menteri 'designate' (iaitu) Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sebagai 'incumbent' (penyandang jawatan) maka beliaulah yang akan menerajui pentadbiran negeri Melaka.

"Kita harap supaya dengan pentadbiran beliau yang diterima oleh ramai, mana-mana kita pergi di Melaka kini, Sulaiman tidak ada apa-apa isu.

"Maka Insyallah dengan izin Allah Taala, (jika) kita menang kita akan jadikan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sebagai Ketua Menteri dari BN yang baharu," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Manifesto BN secara hibrid di Taman Botanikal, 10 Nov lalu.

Dalam pada itu, mengulas mengenai PRN Melaka 20 Nov ini, Mohamad menegaskan rakyat perlu memilih kerajaan yang benar-benar stabil bagi mentadbir negeri

ini.

Katanya, sebuah kerajaan negeri yang bakal dibentuk perlulah lebih stabil dan bebas daripada sebarang ancaman pemimpin yang berpaling tadah.

"Kita mesti ada satu parti teras untuk menubuhkan kerajaan, kalau nak kestabilan politik mesti kita sendiri tubuhkan kerajaan."

"Untuk itu, sebuah kepimpinan parti perlu mempunyai teras tersendiri untuk mentadbir negeri."

"Ini kerana kita tidak mahu pada suatu ketika ada orang yang sentiasa mengugut dan mengancam untuk menarik sokongan dan akhirnya kerajaan akan jatuh

semula."

"Rakyat juga yang akan susah, jadi saya harap kepada semua pengundi di Melaka 20 Nov ini bagilah,

pilihlah parti yang telahpun terbukti nanti rakyat yang akan menjadi mangsa apabila diheret dalam isu politik," katanya lagi.

WAKTU SOLAT					
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	ISYAK
15 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm
16 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.58 pm
17 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.56 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm
18 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.56 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm
19 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm
20 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.21 pm	6.58 pm
21 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.57 am	12.59 pm	4.22 pm	6.58 pm



Manifesto BN komprehensif, inklusif, pragmatik

MELAKA - Manifesto Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang dilancarkan 10 Nov lalu dilihat sebagai komprehensif, pragmatik dan inklusif kearah memacu pemulihian ekonomi dan pembangunan Melaka menuju ke fasa endemik COVID-19.

Pengerusi MCA Melaka yang juga Naib Presiden MCA Senator Datuk Lim Ban Hong berkata manifesto itu mengambil kira kepentingan rakyat pelbagai kaum dan peringkat umur selain menggariskan pelan pemulihian pelbagai sektor yang menyumbang kepada ekonomi negeri.

"Manifesto ini menggariskan hala tuju lima tahun Melaka pada masa akan datang dan saya boleh katakan tiada sesiapa pun rakyat atau sektor di negeri ini yang terciri untuk menikmati tawaran yang digariskan."

"Justeru, BN adalah pilihan terbaik untuk rakyat pada PRN Melaka dan diharap semua dapat memberi peluang kepada kami untuk mentadbir dan memimpin negeri ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha BN Melaka Datuk Mustafa Musa berkata, manifesto yang ditawarkan itu menjamin masa hadapan rakyat negeri itu sekali gus dapat membantu pelaksanaan agenda pembangunan ekonomi yang lebih baik dan berkesan.

Beliau yang juga Setiausaha Perhubungan UMNO Melaka berkata BN mempunyai rekod prestasi yang baik sepanjang mentadbir negeri ini sebelum ini dan semua tawaran yang dijanjikan menerusi manifesto itu diyakini mampu dilaksanakan secara menyeluruh.



LIM Ban Hong



MUSTAFA

"Manifesto ini bukan janji-janji kosong tetapi ia adalah janji yang mampu ditunaikan dalam lingkungan keupayaan kerajaan negeri BN yang bakal dibentuk nanti."

"Jadi sokonglah 28 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang kami pertaruhkan untuk membawa kegemilangan dan kemakmuran di Melaka demi generasi muda pada masa akan datang," katanya.

Setiausaha Bahagian MIC Jasin M Vikneswaran berkata dua daripad limateras yang digariskan dalam Manifesto BN iaitu kestabilan politik dan kecekapan tadbir urus adalah tepat diberi perhatian dalam keadaan politik semasa negeri ketika ini.

"Dua elemen ini amat penting...kalau politik negeri tidak stabil, maka kecekapan tadbir urus tidak akan dapat dicapai dan seterusnya agenda membela kebajikan rakyat juga tidak akan dapat dilaksanakan sekali gus tidak dapat memuaskan hati rakyat," katanya.

Beliau berkata manifesto berkenaan juga dilihat tidak mengetepikan masyarakat India dan BN masih relevan serta diterima sebahagian besar masyarakat India di Melaka atas pelbagai sumbangan BN terhadap kaum itu sejak lebih 60 tahun lepas.

Manifesto BN bagi PRN Melaka bertemakan Kestabilan Demi Kemakmuran yang menggariskan limateras dan 103 inisiatif dilancarkan Timbalan Pengerusi BN Datuk Seri Mohamad Hasan hari ini.

Manifesto itu adalah tawaran kepada penduduk Melaka berpandukan kepada lima teras utama iaitu kestabilan politik; lonjakan ekonomi baharu; kecekapan tadbir urus; masyarakat bersatu padu serta pembangunan mapan dan perkongsian kemakmuran. - BERNAMA

5 TERAS



Perhebat pelancongan Tanjung Bidara - Rauf

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA - Beberapa sektor terutama pelancongan di Tanjung Bidara akan diberi perhatian bagi merancakkan ekonomi setempat dan membawa pulangan kepada penduduk di kawasan itu.

Calon Barisan Nasional (BN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, tumpuan juga akan diberikan kepada sektor perikanan bagi menjaga keperluan nelayan di kawasan itu.

"Saya lihat bahawa koridor di Tanjung Bidara ni terutama di sebelah pantai pelancongan ini mesti diberikan perhatian supaya boleh menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong dalam dan luar negara datang dan memberikan peluang ekonomi kepada masyarakat sepanjang pantai ini."

"Di samping itu juga perhatian perlu diberikan kepada para nelayan yang se-



AB Rauf

lama ini mengharapkan kerajaan untuk melihat keperluan-keperluan mereka yang mencari rezeki di laut yang memerlukan sumbangan atau sedikit perhatian dalam meneruskan kelangsungan hidup," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di Kampung Balik Batu, 11 Nov lalu.

Justeru, beliau berharap penduduk Tanjung Bidara dapat menyerahkan mandat itu kepada BN supaya ekonomi di kawasan itu akan terus dirancakkan.

"Untuk itu saya meminta supaya diberikan mandat kepada UMNO dan BN supaya segala keperluan ini kita boleh ketengahkan untuk diberikan perhatian kepada kerajaan."

"Terutama dalam membantu masyarakat yang memerlukan di sepanjang pantai pelancongan dan juga pantai yang digunakan nelayan untuk mencari rezeki," katanya lagi.



PANTAI Padang Kemunting Tanjung Bidara yang berpotensi dibangunkan menjadi koridor pelancongan.



SANTUNI rakyat...Sulaiman meluangkan masa beramah mesra dengan penduduk sewaktu bersarapan di sebuah warung di Lendu, baru-baru ini

BN Melaka perjuang HSR KL-S'pura diteruskan



Liana Sahabudin

SERI BENDAHARA - Melaka tidak akan membenarkan Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) melalui negeri ini sekiranya ia hanya berakhir di Johor Bahru dan bukannya Singapura.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia berikutan laluan dari Kuala Lumpur hingga ke Singapura amat penting dalam bukan sahaja mengurangkan kesesakan, bahkan membawa limpahan ekonomi buat negeri ini.

Sehubungan itu, tegas beliau, pihaknya akan memperjuangkan perkara itu sekiranya BN diberi mandat untuk mentadbir Melaka.

"Sebab itu saya kata dalam manifesto kita, jika BN diberi mandat baharu,

saya minta penyambungan semula projek HSR dari Kuala Lumpur ke Singapura diberi keutamaan.

"Jika BN diberi mandat baharu, saya akan menolak dan tidak memberi kelulusan kepada projek HSR jika ia hanya berakhir di Johor dan bukannya Singapura.

"Lihat sahaja hal keselekhan yang berlaku di Melaka bila tiba hujung minggu (bila pelancong dalam dan luar negara masuk ke negeri ini), jadi jika HSR dibuat sehingga Singapura saya percaya mereka boleh datang ke Melaka menaiki kereta api dan terus ke Melaka Sentral dengan beberapa jajaran baharu yang akan kita buat.

"Jadi, saya yakin manfaat untuk Melaka akan lebih besar sebab sejak awal dahulu saya memang berse-

tuju laluan dari Kuala Lumpur ke Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas di kediaman rasmiya, 11 Nov lalu.

Sebelum ini, Malaysia dan Singapura memutuskan pembatalan projek HSR selepas tempoh penangguhan projek itu berakhir hujung Disember tahun lalu.

Laluan kereta api sejauh 350 kilometer yang pada awalnya telah dipersempit kedua-dua belah pihak pada 2013 itu bakal melibatkan laluan dari stesen terminal pusat bandar Kuala Lumpur ke terminal di Jurong East, Singapura, selain turut melibatkan hentian di Melaka.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, beliau mempunyai perancangan tersendiri sekiranya HSR Kuala Lumpur-Singapura



SULAIMAN

diteruskan.

Antaranya mewujudkan jajaran baharu dari stesen HSR Melaka ke Melaka Sentral, selain turut

bercadang memperluaskan laluan itu sehingga ke Zon Ekonomi Pesisir Pantai (M-WEZ).

"Jadi sepanjang jajaran

ini nanti akan berlaku pembangunan ekonomi yang menghubungkan satu tempat ke tempat yang lain," katanya lagi.



SULAIMAN sentiasa cakna dengan masalah banjir yang berlaku di Melaka

Pilihlah kerajaan ada 'track record'

SERI BENDAHARA - Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berharap rakyat bijak memilih kerajaan yang layak mentadbir Melaka menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov ini.

Katanya, rakyat seharusnya memilih kerajaan yang mempunyai 'track record' yang stabil serta boleh memakmur negeri dan rakyat.

"Saya mohon rakyat di luar sana tolong jangan (ulangi) seperti apa yang dah berlaku, pastikan kerajaan yang dapat itu kerajaan yang kukuh dan stabil."

"Biar rakyat memilih siapa yang mereka mahukan, cuma saya minta rakyat yang ada hari ini jangan salah pilih."

"Jangan jadi seperti penggal ke-14 (Pilihan Raya Umum Ke-14) sama ada di peringkat pusat maupun di peringkat negeri," katanya dalam satu wawancara khas 11 Nov lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rakyat kini lebih bijak memilih dan cerdik untuk menentukan siapa pemimpin yang lebih layak menentukan masa depan Melaka.

"Rakyat tahu siapa yang nak pilih.. tak perlu nak kempen tunggu hari mengundi pangkah siapa sahaja mereka sudah tahu."

"Penggal ke-14 tiga kali Perdana Menteri, Melaka pula dua Ketua Menteri. Ini sebab salah pilih, jadi waktu inilah kita perlu buat pilihan yang betul," katanya.

BN komited selesai isu banjir Melaka

SERI BENDAHARA - "Semua perancangan (atas banjir) telahpun ada dan seperti saya sebut sekiranya diberikan sekali lagi mandat untuk kita mentadbir dan mengurus Melaka, saya yakin kita dapat mengurangkan permasalahan banjir ini".

Itu penjelasan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengenai usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam memastikan masalah banjir kilat di Melaka dapat diatasi dengan segera.

"Kita adah ada kelulusan peruntukan lebih RM900 juta, kita ambil satu masa yang agak panjang dalam satu permohonan,

iaitu bermula kajian pihak konsultan yang hendak melihat dahulu dan ia ambil masa dua tahun, pembinaan pula ambil masa lagi tiga tahun.

"Jadi dari mula kajian sehingga projek itu siap ambil masa lima ke enam tahun, jadi saya kata antara lima ke enam tahun itu 'what happen' kalau berlaku banjir lagi?"

"Sebab itu saya kata mesti ada tindakan jangka pendek sementara menunggu projek ini siap," katanya dalam satu wawancara di kediaman rasmiya.

Jelasnya, beliau telahpun mengarahkan jabatan yang terlibat untuk terus memantau

serta menaik taraf rumah-rumah pam serta sungai yang boleh mengurangkan risiko banjir di negeri ini.

"Paling tidak pun kita boleh menekang banjir ini daripada terus berlaku, sebab itu saya dah arahkan tengok balik dan panggil pihak konsultan yang mereka faham mengenai permasalahan dan saliran banjir."

"Kalau rumah pam perlu kita tambah baik, kita akan buat; sungai-sungai yang perlu kita dalamkan atau lebarkan, kita barkan supaya tidak berlaku banjir kilat dan sebagaiinya sementara kita menunggu sifar banjir ini pada lima tahun akan datang," katanya lagi.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 14-18 NOVEMBER 2021

Ahad 14/11/2021	Isnin 15/11/2021	Selasa 16/11/2021	Rabu 17/11/2021	Khamis 18/11/2021
Pagi: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di satu dua tempat di kawasan pedalaman Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°

(www.melakahariini.my) f @ Melaka Hari Ini M Melaka Tv Sumber: Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik: Melaka Hari Ini

Dira mahu majukan sektor pertanian Melaka



DIRA (kanan) menyantuni peniaga pasar tani sekitar Pekan Jasin.

(Foto: Facebook Dira Abu Zahar)

Liana Sahabudin

RIM – Calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar mahu memperluaskan sektor pertanian buat petani dan usahatani di negeri ini.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Dira Abu Zahar berkata ia berikutan pasar tani adalah medan pertemuan bagi pengeluar dan pengguna.

Katanya, konsep pasar tani adalah pengeluar memasarkan hasil keluaran mereka sendiri secara terus kepada pengguna.

"Objektifnya meningkatkan ruang pasaran hasil pertanian, pendapatan petani serta penge-

luar.

“Insha Alla h, saya Calon Nombor 3 N.25 DUN Rim memiliki cita-cita yang tinggi untuk semua petani dan usahatani mengembangkan lagi sektor ini,”

Mengulas lanjut, Dira berkata, beliau yakin lebih banyak lagi sektor dapat dibangunkan menerusi konsep pertanian tersebut.

"Apabila saya berjalan-jalan ke sekitar pasar tani (Jasin), saya percaya banyak lagi yang kita boleh bangunkan dalam sektor ini."

"Sektor pertanian menyumbang 11.2 peratus kepada ekonomi negeri Melaka.

"Potensinya di Melaka juga sangat besar apabila Melaka mencatatkan pertumbuhan daripada RM4.433 billion kepada RM 4.598 billion (3.7 peratus).

"Ia menjadikan Melaka sebagai negeri tertinggi pertumbuhan pertanian di Malaysia tahun 2020," katanya.

Tumpu infrastruktur, pelancongan Sg Rambai - Faizah



“Jadi saya nampak pelancongan amat penting dan kita akan naikkan. Potensi dilihat juga agak tinggi kerana sempadan dan laluan dan lautan masuk pelancongan dari Johor dan Singapura,” katanya.

melawat mangsa banjir, di sini, 11 Nov lalu.

Dalam pada itu, beliau, kerja-kerja yang sebelum ini pernah dirancang oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terdahulu Datuk Hasan Abd Rahman juga akan diteruskan demi masyarakat di Sungai Rambai.

"Semua sedia maklum, Sungai Rambai adalah Gerbang Selatan Negeri dan iaberpotensi sebagai kawasan pelancongan.

"Jadi saya nampak pelancongan amat penting dan kita akan naikkan. Potensi dilihat juga agak

tinggi kerana sempadan dan laluan masuk pelancong dari Johor dan Singapura," katanya.

Jelasnya, sekiranya aktiviti pelancongan diberi nafas baharu dan dinaik taraf secara tidak langsung akan membantu penduduk tempatan menjana sumber pendapatan.

Siti Faizah akan berdepan saingan empat penjuru pada PRN ini apabila akan bertemu dengan calon Pakatan Harapan (PH) Farzana Hayani Mohd Nasir; Perikatan Nasional (PN) Muhammad Jefri Safry dan calon dari parti PUTRA, Nazatul Asyraf Md Dom.



SITI Faizah



KAK SOM (kanan) menyantuni masyarakat di DUN Pengkalan Batu.

Kak Som tak gentar ditentang orang muda

Siti Salehah

PENGKALAN BATU – Calon Barisan Nasional (BN) Pengkalan Batu tidak gentar meskipun lawan yang lebih muda daripadanya dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov ini.

Beliau yang merupakan calon tertua bertanding berkata, ia kerana dirinya yakin pengalaman lebih 20 tahun yang dimiliki dapat membantu masyarakat di kawasan itu.

"Saya tidak gentar siapa lawan saya tetapi kalau hendak dibandingkan umur, saya sudah berkhidmat 20 tahun dulu. Kalau ambil orang muda apa khidmatnya kepada kita."

"Saya dengar macam-macam tidak mahu orang perempuan. Saya sedia berkhidmat dan nasib penduduk Pengkalan Batu harus dinaik taraf," katanya.

Mengulas mengenai fokus utamanya dalam PRN, beliau yang mesra dipanggil Kak Som berkata, isu banjir dan masalah pelupusan sampah menjadi antara perkara yang akan diberi perhatian.

Selain itu, ujarnya, pem-

bangunan fasiliti sukan dan pusat sehenti belia juga akan diwujudkan di Pengkalan Batu sekiranya diberi mandat.

"Tumpuan juga akan diberikan terhadap pembangunan ekonomi penduduk setempat dan pada masa sama mengerakkan agenda pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk di sini," katanya lagi.

Kalsom, 68, bakal berdepan saingan lima penjuru berdepan Muhamad Danish Zainudin (Pakatan Harapan), Mohd Azrudin Md Idris (Perikatan Nasional), Datuk Norhizam Hassan Baktee (Bebas) dan Dr Mohd Aliwi Sari (Parti Bumiputera Perkasa Malaysia) di DUN Pengkalan Batu.

“Tumpuan juga akan diberikan terhadap pembangunan ekonomi penduduk se tempat dan pada masa sama menggerakkan agenda pembangunan bagaimana tarif hidup penduduk disini,”

Rais pilih kempen guna lori

Siti Salehah

PAYA RUMPUT – Tidak mahu ada di antara golongan dan lapisan masyarakat yang tersisih daripada menerima maklumat, calon Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin, mengambil pendekatan berkempen secara menyeluruh.

Menurut beliau, dalam suasana berkempen normabaharu ini pelbagai aspek dan medium perlu diambil kira dalam menyampaikan maklumat tepat kepada masyarakat khususnya pengundi dalam membuat pilihan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Katanya, walaupun media sosial dilihat sebagai medium terbaik namun ada peringkat umur yang tidak dapat atau pandai mengaksesnya.

“Ke mana kita ta hu keadaan rakyat dan masyarakat yang memerlukan bantuan, sebarang cerita de nyut na di rakyat ini sentiasa dirasai oleh kami jentera BN”

“Kita sekarang sudah tidak ada sasaran orang muda atau sudah berusia. Kitabergerak secara menyeluruh kerana ini adalah satu kempen yang sangat berlainan dari sebelum ini,” katanya.

Justeru, beliau yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO berkata, pihaknya mengambil pendekatan menggunakan lori yang diubah suai sebagai platform menyampaikan

kan maklumat calon kepada rakyat.

“Di sini (Paya Rumput) terdapat kira-kira 30 peratus warga yang sudah berusia dan perlu disantuni jadi penggunaan lori dan edaran risalah membantu menyampaikan maklumat serta memperkenalkan diri saya sebagai calon.

“Lori ini akan bergerak untuk tempoh 10 jam sehari ke kawasan kampung dan memperkenalkan sakerana rakyat perlu kenal calon yang ingin mereka pilih pada hari mengundi nanti,” katanya.

Mengulas lanjut, pemegang Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah dari Universiti Al-Azhar berkata, beliau yakin gerak kerja dilakukan jentera BN kini jauh kedepan kerana mereka tidak menunggu apabila adanya Pilihan Raya Umum (PRU) atau PRN.

“Sebenarnya gerak kerjaturun



RAIS menunjukkan lori khas yang digunakan untuk berkempen di DUN Paya Rumput.

padang sudah lam kerana kita pun tidak tahu akan ada PRN. Di DUN Paya Rumput ini sudah merata kita pergi. Bukan turun hanya kerana PRN.

“Kerana kita tahu keadaan rakyat dan masyarakat yang memerlukan bantuan, senang cerita de nyut nadi rakyat ini sentiasa dirasai oleh kami jentera BN,” katanya.

Dr Akmal terjun dunia politik demi rakyat

MERLIMAU - Ketika ditanya tidak cukupkah menjadi doktor untuk berkhidmat kepada masya-

rakat, reaksi calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Salleh

ialah dia mahukan akses lebih luas bagi menabur khidmat terbaik kepada lebih ramai orang.

Justeru bagi Dr Akmal keputusannya untuk menyertai dunia politik adalah bagi membolehkan dirinya terlibat secara langsung dalam kumpulan ‘decision maker’ supaya beliau boleh memberikan khidmat lebih besar kepada lebih ramai rakyat.

“Kalau ada yang bertanya, jadi doktor tidak cukupkah untuk berkhidmat kepada masyarakat? Cukup.

“Tetapi contohnya kalau seorang makcik yang susah datang, saya boleh mungkin tolong dia bagi perkhidmatan perubatan percuma bernilai RM50 atau RM100 pada masa itu sahaja, tetapi saya tak boleh beri khidmat kepada dia sampai anak cucu dia.

“Bagaimanapun dalam politik ia agak berbeza, dalam politik anda penentu dasar (decision maker), saya boleh buat satu dasar yang bukan hanya bantu makcik tu sahaja, tetapi bantu lebih ramai orang,” katanya ketika ditemui bual dalam rancangan khas Bicara Melaka PADA 11 Nov lalu.

Menurut anak muda berusia 33 tahun itu, tidak timbul isu beliau

menyertai politik untuk mencari kedudukan kerana niatnya menceburi dunia politik ialah bagi memanfaatkan tenaga mudanya untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Merlimau selama dua tahun, Dr Akmal tidak menoleh ke belakang apabila membuka klinik



“Susur galur hidup saya memang di Merlimau, ibu bapa saya juga orang Merlimau, hidup mati saya di Merlimau,” katanya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dari Russian Medical University, Rusia.

Dr Akmal yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Jasin serta Naib Ketua Pemuda Umno Melaka sebelum ini

“Bagaimanapun dalam politik ia agak berbeza, dalam politik anda penentu dasar (decision maker), saya boleh buat satu dasar yang bukan hanya bantu makcik tu sahaja, tetapi bantu lebih ramai orang,”

Razak janji sedia WiFi percuma di Telok Mas

Fiqah Jamal



ABDUL Razak menyantuni peniaga di Telok Mas.

Iepas, kita lihat banyak kelelahan,” katanya ketika ditemui pemberita pada 12 Nov lalu.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pemilihan namanya bertanding sekali lagi di DUN sama, meskipun tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) lalu, Abdul Razak ia bukan satu pelemah semangat untuk dirinya.

Sebaliknya, beliau berkata, walaupun tewas, dirinya tetap turun membantu rakyat di kawasan itu sebelum ini.

“Walaupun kalah, kita buat kerja macam kita ‘menang’ di Telok Mas ini, masyarakat boleh menilai, pengundi pilihlah dengan bijak,” ujarnya.

“Sekiranya diberi mandat, beliau memberi jaminan akan menyelesaikan permasalahan yang telah berlaku sekian lama seperti isu longkang, jalan raya, jaringan internet yang lemah serta pembangunan di kawasan Telok Mas.

“Kita akan kemudahan bagi WiFi percuma kepada setiap surau, masjid dan balai-balai raya yang terdapat dalam DUN Telok Mas ini.

“Sekiranya pengundi di DUN Telok Mas beri kepercayaan kepada BN, saya akan memastikan warga DUN Telok Mas mendapat keselesaan ini.

“Pertama saya akan lihat masalah terlebih dahulu dan sebelum pergi ke perkara lain saya akan menyelesaikan masalah atau isu dalam pentadbiran yang

“Wa la upun ka la h,
kita buat ke ija mac am kita ‘me na ng’
di Telok Mas ini, masyarakat boleh
menilai, pengundi pilihlah
dengan bijak”

sendiri di kawasan itu untuk terus memberi perkhidmatan kepada rakyat setempat.

Dengan motto ‘Anak Kampung Untuk Orang Kampung’, Klinik Dr. Akmal Saleh 24jam yang terletak di Bandar Baru Merlimau tetap dibuka seperti biasa bagi membolehkan beliau terus berkhidmat kepada masyarakat kampungnya.

membawa idea ambulans percuma untuk golongan miskin dan asnaf sejak setahun lepas.

Beliau adalah antara calon muda yang dipertaruhkan BN, dan akan bertembung dengan calon Pakatan Harapan Azrin Ab Majid dan Abd Alim Shapie dari Perikatan Nasional bagi merebut kerusi DUN Merlimau. - BERNAMA



DR Akmal berazam mahu membantu lebih ramai rakyat negeri ini sekiranya diberi mandat dan terpilih dalam golongan membuat dasar untuk negeri. (FOTO: Akmal Saleh)



Adly diumum calon KM PH

Siti Salehah

BANDARAYA MELAKA -

Pakatan Harapan (PH) mengumumkan Adly Zahari sebagai calon tunggal Ketua Menteri gabungan itu sekiranya memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov ini.

Perkara itu diumumkan Pengerusi PH Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Maju Bersama Harapan, pada 10 Nov lalu.

"Kita telah menonjolkan satu tokoh yang pernah memimpin Kerajaan PH dan naratif kita itu konsisten, iaitu apa sahaja langkah untuk mengembalikan mandat PH harus kita dukung."

"Maka dengan itu, muafakat dan konsensus yang tercapai oleh pimpinan ialah meneruskan komitmen yang sama dan dengan ini menamakan saudara Adly Zahari sebagai calon Ketua Menteri."

"Insya-Allah bila kita menganggap Adly akan diangkat sebagai Ketua Menteri untuk meneruskan agenda," katanya.

Majlis berkenaan turut dihadiri dua Timbalan Pengerusi PH iaitu Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan Presiden Amanah Mohamad Sabu serta

Adly yang juga Pengerusi PH Melaka.

Dalam majlis itu, PH telah mengumumkan manifesto serta tawaran buat rakyat Melaka pada PRN kali ini.

Menurut Adly, manifesto itu merangkumi tiga teras, enam strategi dan 32 inisiatif.

Tiga teras itu adalah Melaka Sejahtera, Melaka Makmur dan Melaka Stabil yang merangkumi inisiatif kesihatan, kesejahteraan rakyat, peluang pekerjaan, sokongan perniagaan, pelaburan ekonomi dan reformasi pentadbiran.

"Menggubal enakmen anti-lompat parti bagi menjamin ketabahan kerajaan dan mengikiraf ketua pembangkang setaraf Exco serta menjadikan amalan tender terbuka sebagai teras proses perolehan negeri antara inisiatif diperuntukkan," katanya.

Beliau turut mengumumkan, inisiatif kesihatan Kad Melaka Sihat yang memberi manfaat RM300 setahun kepada keluarga B50 yang layak mendapatkan rawatan di klinik swasta serta Dana Ihsan COVID-19; iaitu bantuan kepada keluarga yang kehilangan ahli keluarga akibat COVID-19.



ANWAR (tengah) diiringi **Mohamad Sabu** (tiga dari kanan) **Guan Eng** (tiga dari kiri) dan Pengerusi PH Melaka, **Adly Zahari** (dua dari kanan) melancarkan Pelan Tindakan Maju Bersama Harapan di Hotel LaCrista 10 Nov lalu.
Foto: MR. Azli

KRUBONG HEIGHTS
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputra Sahaja

20' x 70'

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 www.pbrealty.com.my

012. 601 0486 Vinz Lee	012. 638 4496 Yen	012. 698 6255 Kelly Ong	012. 667 0833 Sara Siow	012. 618 7922 Zura
012. 661 1682 Tammy Ong	012- 606 8195 Sylvia Chew	010- 279 3971 Elynn Un	018- 955 5177 Edwin Chan	011- 7496 0874 Aqilah

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior 360° view >>

<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



Pemaju:
PB REALTY SDN BHD 338851-D
No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

PN masih berahsia calon KM



Liana Sahabudin

AYER KEROH - Perikatan Nasional (PN) hanya akan mengumumkan calon Ketua Menteri daripada parti itu selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 Nov ini.

Ketua Penerangan Bersatu Malaysia, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, fokus buat masa ini adalah bagi memastikan lebih banyak kerusi dimenangi parti itu pada PRN Melaka.

"Di peringkat PN fokus kita adalah untuk memenangi PRN Melaka dahulu dan kemudian baru kita akan bincangkan dan umumkan (calon ketua menteri).

"Saya rasa kita seharusnya urusan pelantikan dan penamanaan calon Ketua Menteri di peringkat kepimpinan tertinggi dan saya rasa tak sesuai kita dekat sini untuk umumkan sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Perikatan Nasional (PN) Negeri Melaka di Pejabat Bersatu Hang Tuah Jaya, 11 Nov lalu.

Hadir sama Calon PAS Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong, Datuk Kamarudin Sidek; Calon PN DUN Bemban, Dr Yadzil

Yaakub dan Calon Gerakan DUN Ayer Keroh, Datuk Michael Gan.

Mengulas lanjut, Wan Saiful berkata, PN telahpun mengadakan perbincangan sebelum ini mengenai siapa yang akan dinamakan sebagai Ketua Menteri.

"Sebenarnya perbincangan itu telah berlaku dan kita ada idea mengenai siapa yang akan dinamakan, tetapi saya rasa lebih baik sekiranya ia dibuat oleh kepimpinan tertinggi.

"Mungkin lebih sesuai kalau kita tunggu sekiranya ada pengumuman yang lebih menarik... kita tinggalkan sebagai misteri dulu buat masa ini," katanya lagi.

B a g a i m a n a p u n , Presiden PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu sidang media pada 12 Nov lalu memaklumkan calon Ketua Menteri itu akan diputuskan lebih awal iaitu sebelum hari pengundian pada 20 Nov.

Katanya, calon ketua Menteri bakal dipilih dalam kalangan calon Bersatu.

"Kita akan umumkan, kenapa kita ambil masa? Itu strategi kita.

"Oleh kerana Bersatu mempunyai sejumlah besar kerusi, jadi wajar diberikan kepercayaan calon datang dari Bersatu," katanya.



WAN Saiful (tengah) ketika menghadiri sidang media PN Negeri Melaka, 11 Nov lalu.

PAS yakin menang sekurang-kurang satu kerusi



KAMARUDIN

AYER KEROH - PAS melaungkan keyakinan mampu memenangi sekurang-kurangnya satu kerusi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) 20 Nov ini.

Pesuruhjaya PAS Melaka Datuk Kamaruddin Sidek berkata, ia berikutan undi teras yang dimiliki dalam lapan kerusi yang ditandingi boleh membantu kemenangan.

Calon PN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong itu berkata, undi teras mampu memberikan bekalan selesa untuk Perikatan Nasional (PN) dalam memberi saingan sengit kepada semua parti bertanding..

"Walaupun kita (PAS) tidak pernah menang pada pilihan raya lalu, kali ini dalam saingan tiga penjurut, kita sudah ada undi terasnya, termasuk di lapan DUN yang kita letakkan calon.

"Dulu, saya dapat 3,000 undi, dengan gabungan Bersatu dan Gerakan undi saya akan meningkat, ditambah lagi dengan arus isu semasa yang berlaku ketika ini.

"Kalau ikutkan, kita mahu menang di semua lapan kerusi, (namun) paling kurang dapat satu pun sudah cukup baik," katanya pada sidang media Perikatan Nasional (PN) Negeri Melaka, 11 Nov lalu.

Mengulas mengenai prosedur operasi standard (SOP) ketat pada PRN kali ini, Kamarudin ba-gaimanapun percaya masih ada ruang boleh dimanfaatkan calon dan jentera untuk menyampaikan tawaran dan memperkenalkan diri kepada

“Ka la u ikutka n, kita mahu me nang di se mu a la pa n ke rusi, (na mun) pa ling kurang da pat satu pun sud ah c ukup ba ik,” ka ta nya pa da sid a ng me dia Pe ri ka ta n Na sio na l (PN) Ne ge ri Me la ka , 11 No v la lu .”

pengundi.

"Bagi saya, SOP tidaklah ketat sampai tiada ruang langsung. Sekarang, banyak perperangan media sosial, hampir 80 peratus serangan juga melalui media sosial, manakala 20 peratus secara fizikal," katanya.

Terdahulu, Kamarudin turut menjawab isu mengenai status pendidikannya yang sebelum ini menjadi bahan pertikaian beberapa pihak.

Enggan melatah, namun beliau menjelaskan perkara itu akan dijawab apabila tiba waktunya.

"Saya tidak mahu menjawab dulu sehingga galah sampai dekat hari mengundi.

"Hal ini pernah dibangkitkan pada Pilihan Raya Umum (PRU) 13 dan PRU-14 sebelum ini, benda sama," katanya ketika dihubungi.

Untuk rekod, pada PRN Melaka 2021, PAS akan bertanding di lapan kerusi iaitu Kuala Linggi, Taboh Naning, Durian Tunggal, Kelebang, Bukit Katil, Serkam, Merlimau dan Duyong.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN
azren86@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
falzhasan@melakaharlini.my

FAHAR SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF IZAIDA RAHAINAH IDRIS
Izzalhanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR
khaldah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
aminul@melakaharlini.my

TNB ambil langkah proaktif Elak isu 'blackout' pilihanraya

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersedia dengan langkah proaktif bagi memastikan bekalan elektrik di semua premis Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dalam keadaan baik.

Pengurus Besar (Hal Ehwal Pemegang Taruh) TNB Melaka dan Negeri Sembilan, Ahmad Fadhl Aziz berkata, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Elektrik dan pihak berkuastra tempatan (PBT) untuk melakukan lawatan tapak di kesemuanya lebih 200 pusat mengundi dan premis berkaitan bagi memastikan tiada gangguan bekalan elektrik di kawasan itu.

Katanya, langkah itu penting untuk mengelakkan berbangkitnya isu 'blackout' pada hari pengiraan undi seperti yang pernah ditularkan sebelum ini.

"Di TNB kita sememangnya adablik gerakan untuk PRN Melaka di Bangunan TNB, MITC yang akan memantau dan membuat semakan tahap bekalan elektrik dalam premis.

"Kita juga sentiasa berhubung dengan pegawai di setiap premis bagi memastikan tidak berlaku sebarang isu membabitkan gangguan bekalan bermula sekarang hing-



AHMAD FADHLI (tiga dari kanan) bersama wakil TNB dan JKR elektrik mengadakan lawatan tapak ke Dewan Kompleks Japerun Tanjung Bidara bagi membuat semakan tahap bekalan elektrik bersempena PRN Melaka.

galah pada hari mengundi 20 Nov ini.

"Pada masa sama, TNB telah mengadakan lawatan tapak bersama JKR elektrik dan PBT untuk membuat semakan tahap bekalan elektrik di kawasan-kawasan terlibat," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari ini.

Katanya, melalui beberapa lawatan yang diadakan pihaknya ber-

puas hati dengan tahap bekalan elektrik di premis terlibat, namun akan tetap memantau perkara itu dari semasa ke semasa.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kemeriahinan kempen PRN Melaka yang sedang berlaku kini, Ahmad Fadhl turut mengingatkan jentera parti politik agar tidak menggantung bendera atau bahan kempen di tiang-tiang elektrik yang

ada di negeri ini.

Katanya, tindakan itu dikhawatir boleh mengundang bahaya kepada individu dan juga kawasan sekitar sekiranya berlaku kebocoran elektrik.

"Memang kita minta semua jentera parti agar jauhkan segala-bahan-bahan kempen di pemasangan TNB.

"Benar kebanyakan tiang dan

aset-aset TNB mempunyai pengetahuan tetapi ia masih boleh mengundang risiko terutamanya jika berlaku kebocoran elektrik.

"Jadi, memang kita tak galakan dan di pihak kita hanya boleh menasihati, namun tindakan mungkin diambil oleh PBT untuk menuangkan segalah-bahan kempen seperti bendera, poster dan sebagainya," katanya lagi.

KADAR TETAP SERENDAH
2.38%
setahun

Nikmati tawaran hebat

Kempen Akhir Tahun Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit/i

Ansuran bulanan rendah

Kadar keuntungan menarik

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
 Pengurus Wilayah Jasin (En. Azian Minhat 019 6567466)
 Pengurus Wilayah Melaka Tengah (Pn. Rahimah Sulaiman 016 6292632)
 Pengurus Wilayah Alor Gajah (En. Mohd Shahril Mohd Sharif 019 6303952)

Tempoh Kempen: 1 Oktober - 31 Disember 2021
 Tempoh Pembiayaan Maksimum adalah 10 Tahun.
 Nota: 2.38% kadar tetap untuk tempoh pembiayaan 3 tahun (bersamaan KA* + 1.92%).
 *Kadar Asas (KA) BSN semasa ialah 2.60% (berkuat kuasa dari 15 Julai 2020).

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.

IMBAS DI SINI UNTUK KETAHUI LEBIH LANJUT



SENARAI CALON PRN NEGERI MELAKA



N01: KUALA LINGGI: MELAKA: 10,928	
1. Rosli Abdullah(BN-UMNO)	
2. Julasapiyah Kassim(PH-Amanah)	
3. Kamisan Palil(Bebas/IND)	
4. Aziah Mohd Sa'ad(PN-PAS)	
(2018: Datuk Ismail Othman: BN-UMNO: Maj: 1,372)	

N02: TANJUNG BIDARA: MELAKA: 10,133	
1. Datuk Mas Ermieyati Samsudin(PN-Bersatu)	
2. Zainal Hassan(PH-PKR)	
3. Datuk Seri Ab Rauf Yusoh(BN-UMNO)	
(2018: Datuk Md Rawi Mahmud: BN-UMNO: Maj: 2,864)	

N03: AYER LIMAU: MELAKA: 11,227	
1. Hameed Mytheen Kunju Basheer(BN-UMNO)	
2. Mazenah Baharuddin(PH-Amanah)	
3. Dr. Nordina Abd Latif(PN-Bersatu)	
(2018: Datuk Amirudin Yusof: BN-UMNO: Maj: 1,479)	

N04: LENDU: MELAKA: 10,561	
1. Abdullah Mahadi(PN-Bersatu)	
2. Mohamad Asri Ibrahim(PH-PKR)	
3. Datuk Seri Sulaiman Md Ali(BN-UMNO)	
(2018: Datuk Seri Sulaiman Md Ali: BN-UMNO: Maj: 627)	

N05: TABOH NANING: MELAKA: 8,661	
1. Abu Hashim Abdul Samad(PN-PAS)	
2. Zulkifle Mohd Zin(BN-UMNO)	
3. Zairi Suboh(PH-Amanah)	
(2018: Datuk Latipah Omar: BN-UMNO: Maj: 740)	

N06: REMBIA: MELAKA: 15,756	
1. K.Murali(Bebas/IND)	
2. Zamri Pakiri(PH-PKR)	
3. Sabarudin Kudus(Bebas/IND)	
4. Datuk Muhammad Jailani Khamis (BN-UMNO)	
5. Zamzuri Arifin(PN-Bersatu)	
(2018: Datuk Muhammad Jailani Khamis: PH-PKR: Maj: 1,814) (2021: Menyertai/Joined BN-UMNO)	

N07: GADEK: MELAKA: 12,641	
1. P. Shanmugam(BN-MIC)	
2. Azafen Amin(Bebas/IND)	
3. Laila Norinda Maon(Putra)	
4. Mohan Singh(Bebas/IND)	
5. Mohd Amir Fitri Muharam(PN-Bersatu)	
6. G. Saminathan(PH-DAP)	

(2018: G. Saminathan: PH-DAP: Maj: 307)

N08: MACHAP JAYA: MELAKA: 12,487	
1. Ngwe Hee Sem(BN-MCA)	
2. Law Bing Haw(PH-PKR)	
3. Abdul Aziz Osani Kasim(IMAN)	
4. Azlan Daud(Bebas/IND)	
5. Tai Siong Jiul(PN-Bersatu)	

(2018: Datuk Ginie Lim Siew Lin: PH-PKR: Maj: 1,336)

N09: DURIAN TUNGGAL: MELAKA: 13,312	
1. Mohd Erfan Mahrilar(Bebas/IND)	
2. Zahari Abd. Kalil (BN-UMNO)	
3. Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab(PH-Amanah)	
4. Ja'afar Othman(PN-PAS)	

(2018: Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab: PH-Amanah: Maj: 763)

N10: ASAHD: MELAKA: 15,745	
1. Mohd Noor Salleh(Bebas/IND)	
2. Fairul Nizam Roslan(BN-UMNO)	
3. Azmar Ab Hamid @ Sha'aim(Bebas/IND)	
4. B.Dhanesh(PN-Gerakan)	
5. Datuk Seri Idris Haron(PH-PKR)	
6. Mohd Akhir Ayob(Bebas/IND)	

(2018: Datuk Seri Abdul Ghafar Atan: BN-UMNO: Maj: 275)

N11: SUNGAI UDANG: MELAKA: 22,793	
1. Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad(BN-UMNO)	
2. Dr Mohd Aleef Yusof(PN-Bersatu)	
3. Hasmorni Tamby(PH-PKR)	
4. Mohd Zahar Hashim(Bebas/IND)	

(2018: Datuk Seri Idris Haron: BN-UMNO: Maj: 2,229)
(2021: Menjadi Bebas/Became IND)

N12: PANTAI KUNDOR: MELAKA: 15,469	
1. Mohamad Ridzwan Mustafa(PN-Bersatu)	
2. Datuk Nor Azman Hassan(PH-Amanah)	
3. Tuminah Kadi @ Mohd Hashim(BN-UMNO)	
(2018: Datuk Nor Azman Hassan: BN-UMNO: Maj: 772) (2021: Menjadi Bebas/Became IND)	

N13: PAYA RUMPUT: MELAKA: 26,455	
1. Datuk Rais Yasin(BN-UMNO)	
2. Datuk Seri Shamsul Iskandar Md. Akin(PH-PKR)	
3. Muhammad Faris Izwan Mazlan(PN-Bersatu)	
4. Mohamad Hashidi Mohd Zain(Putra)	
5. Mohd Jaini Dimon(Bebas/IND)	

(2018: Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen: PH-Bersatu: Maj: 4,259)
(2020: Menjadi PN-Bersatu/Became PN-Bersatu)

N14: KELEBANG: MELAKA: 19,976	
1. Bakri Jamaluddin(PN-PAS)	
2. Datuk Lim Ban Hong(BN-MCA)	
3. Datuk Gue Teck(PH-PKR)	

(2018: Datuk Gue Teck: PKR: Maj: 789)

N15: PENGKALAN BATU: MELAKA: 20,821	
1. Muhamad Danish Zainudin(PH-DAP)	
2. Mohd Azrudin Md Idris(PN-Bersatu)	
3. Datuk Norhizam Hassan Baktee(Bebas/IND)	
4. Dr Mohd Aluwi Sari(Putra)	
5. Datuk Kalsom Nordin(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Norhizam Hassan Baktee: PH-DAP: Maj: 2,756) (2020: Menjadi Bebas/Became IND)

PARTI	JUMLAH KERUSI
BARISAN NASIONAL	
PAKATAN HARAPAN	
PERIKATAN NASIONAL	
PUTRA	
BEBAS	
JUMLAH	28



MIMBAR MAIM

"Be n ar b e n a r s a n g a t b e nuntung o ra ng -o ra ng ya ng me mbe rsihka n d i ri de ng a n b e rim a n d a n se ntia sa b e rzikir me nyebut na ma Tuha nnya se rta me nge rja ka n se mb a hya ng ." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"De mi se sung guhnya ! Ka mi a kan me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la pa ra n, da n ke kurang a n da ri ha rta b e nda se rta jiwa da n ha si ta na man. Da n be ri la h kha barg embira ke pada or ang ya ng sa b a r." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Hutang wajib dilangsaikan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

BERHUTANG diharuskan dalam Islam, tetapi bukan bertujuan ber-mewah-mewahan namun Islam memilih jalan berhutang sebagai jalan terakhir jika benar-benar tiada ruang untuk mengelakkan perkara berkenaan.

Sekjak sekian lama masalah hutang tidak terlangsung berlaku dalam masyarakat dan punca utamanya adalah culas dalam membayar hutang mahupun sengaja melupakan serta menganggap perkara itu tidak penting untuk diselesaikan.

Disebut didalam al-Quran dan hadis berkenaan dengan gambaran amat dahsyat kepada penghutang yang culas dan sengaja mencari alasan daripada melunaskan hutang.

Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud : "Diampunkan semua dosa bagi orang mati terkorban syahid, kecuali jika dia mempunyai hutang (kepada manusia)." (**Hadis Riwayat Muslim**).

Hal berkenaan turut dijelaskan dalam hadis yang lain bermaksud : "Jiwa seorang Mukmin tergantung kerana hutangnya hingga hutangnya dilangsaikan." (Hadis Riwayat Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi).

Al-Quran sendiri telah mengisyaratkan berat perihal hutang dengan ayat paling panjang sepetimana yang telah disebut dalam surah al-Baqarah ayat 282 serta telah dinukilkan juga hutang perlu dilunaskan walaupun penghutang sudah meninggal dunia dengan hartanya sen-

diri sebelum dibahagikan sebagai pusaka kepada waris.

Allah SWT berfirman: *Dan bagimu (suami) satu perdua daripada harta ditinggalkan isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat harta ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) selepas dibayar hutangnya.* (Surah Al-Nisa' ayat 12).

Jelas disini pembayaran hutang bukan perkara boleh dibuat main-main mahupun dianggap remeh justeru lebih jelas al-Quran mengajurkan diwujudkan perjanjian sekiranya berhutang bagi memudahkan perkara berbangkit di masa hadapan kelak.

Sebagaimana jelas dalam firman Allah SWT : "Wahai orang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga suatu masa tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu." (Surah al-Baqarah ayat 282.)

Kesimpulan di sini, ambillah berat dan cakna mengenai hutang kerana ia akan berkait rapaa dengan kehidupan dunia dan akhirat.

Di dunia sudah tentu kebobrokan berhutang akan menyebabkan krisis kepercayaan antara satu sama lain, bermusuhan, berdendam dan menyebabkan maruah tercalar dan sudah pastinya kehidupan selepas kematian menjanjikan seksaan amat pedih kerana melakukan pen-

ganiayaan kepada manusia lain.

Justeru, seperti kita bersungguh-sungguh meminta hutang, maka selayaknya kita juga bersungguh-sungguh melunaskannya walaupun bermula dengan kadar

sedikit pada setiap setiap bulan dan pastinya si pemberi hutang atau pembiutang berasa lega dan faham akan kesungguhan si penghutang menjalankan tanggungjawabnya.

Dalam padaitu, berhutang den-

gan kadar selayaknya mengikut kemampuan diri dan usah seseorang mudah mencipta hutang dalam perkara bukan menjadi keperluan sehingga menjadi beban diri serta keluarga.

DISHARE OLEH:
 GALERI
POSTER
DAWKAH



Rasulullah ﷺ bersabda :

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

"Penundaan orang yang mampu (untuk membayar hutang), adalah perbuatan zhalim."

(HR. Al-Bukhari & Muslim)



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka | 06-283 7416 / 06-284 9809
Tengah | 06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



SERAHAN wakaf tunai oleh pewakaf, Mohammad Ali Jaaman bersama pasangan, Narimah Aziah Mat Lia kepada MAIM bagi pembangunan wakaf masjid, surau dan madrasah.



KETUA Unit Wakaf MAIM, Nasri Buchik menyerahkan borang hasrat wakaf kepada pewakaf, Nene Md Zin yang berhasrat untuk mewakafkan tanah di atas lot 99, Mukim Tedong bagi tujuan Wakaf Am yang memberi maksud pembangunan rumah dan tanah.



SUMBANGAN kit makanan kepada ahli jawatankuasa Surau Abdul Rahman Auf, Vista Kirana dan wakil penduduk Kariah Pantai Kundor oleh Bilik Gerakan COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka. Operasi sumbangan ini masih diteruskan kepada mereka yang memerlukan dan pastinya dapat mengurangkan beban mereka yang terkesan sepanjang tempoh pandemik ini masih melanda di negeri ini.



JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila *matinya anak Adam*, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://iwakaf.maim.gov.my>

Sikit mencukupi, banyak dikongsi



**Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadil**

Ketua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

“ Hal ini kerana perintah mengeluar zakat kepada amil pemerintah ini adalah perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman bagi tujuan menguji keimanan dan ketakwaan mereka terhadap Allah SWT .”

SETIAP umat Islam yang beriman dan bertaqwa haruslah mentaati Rukun Islam yang telah ditetapkan oleh syariat Islam khususnya Rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan ibadah zakat. Rasulullah SAW telah memerintahkan agar umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat, segera menunaikan tanggungjawab berzakat terus kepada amil pemerintah.

Hal ini kerana perintah mengeluarkan zakat kepada amil pemerintah ini adalah perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman bagi tujuan menguji keimanan dan ketakwaan mereka terhadap Allah SWT.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah; ayat 103 yang bermaksud: “Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Oleh yang demikian, harta yang tidak dikeluarkan zakat tidak akan mendapat keberkatan rezeki daripada Allah SWT. Harta yang berkat umpama sedikitnya mencukupi dan banyaknya boleh diagih-agihkan. Selain daripada itu, harta itu juga diibaratkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh men-datangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan.

Oleh itu, setiap umat Islam di dunia ini akan diuji oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk ujian, antaranya pemilikan harta. Persoalan sering berlaku dari mana, bagaimana harta diperolehi dan kemana harta tersebut diagihkan serta digunakan. Ini kerana manusia akan terlalu lalai dengan harta benda dan anak pinak sehingga terleka dengan perintah Allah SWT dalam mengejar kebaikan saham di akhirat. Ini bertepatan dengan Surah al-Munafiqun ayat 9 yang ber-maksud : “Hai orang-orang beriman, jangan-lah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah SWT. Barang siapa yang berbuat demikian maka mereka

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Ute Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

naikan dapat memberi manfaat kepada ramai asnaf yang memerlukan. Semoga segala bentuk harta dan pendapatan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat akan memperolehi keberkatan dan digandakan oleh Allah SWT. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Sekian terima kasih.

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwa Suci Harta

“ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta”

1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#)



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





SHASRAMAN Jalil yang juga merupakan bekas asnaf telah menerima Anugerah Ikon Asnaf Kebangsaan 2021 Kategori Usahawan sempena Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan bagi tahun ini yang telah diadakan secara dalam talian baru-baru ini. Beliau merupakan ikon asnaf yang telah berjaya mengusahakan ladang cili dan terung di negeri ini dan kini merupakan pembayar zakat di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Program secara dalam talian itu telah dirasmikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Senator Idris Ahmad dengan bertemakan Zakat Prihatin, Muzakki Cakna, Asnaf Merasa.

Satu Amal mencipta Sejuta Manfaat

"Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya"
-Hadith Riwayat Muslim

Kemanakah Wakaf Anda?

- Wakaf Pendidikan**
- Wakaf Perubatan**
- Wakaf Masjid, Surau & Madrasah**
- Wakaf Pembangunan**
- Wakaf Am**

Seksyen Wakaf MAIM
Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka,
Bukit Palah, 75400 Melaka

06-283 7416
06-284 9809



5 Kaedah Berwakaf

- Di Kaunter**
Aras bawah Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- Melalui Akaun BANK ISLAM**
04015010017434
Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- Potongan Gaji**
Secara Bulanan Minima RM2.00
- Aplikasi BOOST**
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store
- e-BAYAR**
Bayaran Wakaf Tunai Bayaran Fidyah
ebayar.melaka.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwakaf.maim.gov.my

Perundangan

Mengikut Seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan : "Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka".

Fatwa Kebangsaan

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam.
(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)



SENARAI CALON PRN NEGERI MELAKA

PENGETAHUAN
BERAKHLIK
HARAPAN



INFOGRAFIK PRN MELAKA 2021

KERUSITUMPUAN



N04 LENDU (10,561)

1. Abdullah Mahadi(PN-Bersatu)
 2. Mohamad Asri Ibrahim(PH-PKR)
 3. Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali(BN-UMNO)
- (2018: Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali: BN-UMNO: Maj: 627)



N02 TANJUNG BIDARA (10,133)

1. Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin(PN-Bersatu)
 2. Zainal Hassan(PH-PKR)
 3. Datuk Seri Ab Rauf Yusoh(BN-UMNO)
- (PRU 18: Datuk Md Rawi Mahmud: BN-UMNO: Maj: 2,864)

CALON MUDA

- N10 ASAHDAN B Dhanesh(PN-Gerakan) 29 tahun
- N13 PAYA RUMPUT Muhammad Faris Izwan Mazlan(PN-Bersatu) 28 tahun
- N15 PENGKALAN BATU Muhamad Danish Zainudin (PH-DAP) 27 tahun

- N28 SUNGAI RAMBAI Farzana Hayani Mohd Nasir(PH-PKR) 21 tahun

- N19 KESIDANG Leong Hui Ying(BN-MCA) 29 tahun



N27 MERLIMAU Dr Muhamad Akmal Saleh(BN-UMNO) 33 tahun

1. Azalina Abdul Rahman(PN-Bersatu)
 2. B Prasanth Kumar (PH-PKR)
 3. Datuk Khaidhirah Abu Zahar(BN-UMNO)
- (2018: Datuk Ghazale Muhamad: BN-UMNO: Maj: 536)



N16: AYER KEROH: MELAKA: 25,945	
1. Datuk Seri Micheal Gan Peng Lam(PN-Gerakan)	
2. Kerk Chee Yee(PH-DAP)	
3. Yong Fun Juan(BN-MCA)	

(2018: Kerk Chee Yee: PH-DAP: Maj: 9,261)

N20: KOTA LAKSAMANA: MELAKA: 28,777	
1. Fong Khai Ling (PN-Gerakan)	
2. Low Chin Hong(BN-MCA)	
3. Low Chee Leong(PH-DAP)	

(2018: Low Chee Leong: PH-DAP: Maj: 16,173)

N17: BUKIT KATIL : MELAKA: 25,410	
1. Datuk Hasnoor Sdg Husin(BN-UMNO)	
2. Abdul Hamid Mustaphah(Bebas/IND)	
3. Adly Zahari(PH-Amanah)	
4. Muhammad Al Afiz Yahya(PN-PAS)	

(2018: Adly Zahari: PH-Amanah: Maj: 3,159)

N21: DUYONG: MELAKA: 18,237	
1. Gan Tian Soh(Bebas/IND)	
2. Mohd Faizal Amzah(Putra)	
3. Mohd Noor Helmy Abdul Haleem(BN-UMNO)	
4. Damian Yeo Shen Li(PH-DAP)	
5. Datuk Kamarudin Sidek(PN-PAS)	
6. Muhamad Hafiz Ishak(Bebas/IND)	

(2018: Damian Yeo Shen Li: PH-DAP: Maj: 2,895)

N18: AYER MOLEK: MELAKA: 17,863	
1. Datuk Rahmad Mariman(BN-UMNO)	
2. Ahmad Muaz Idris(Bebas/IND)	
3. Mohd Fadly Samin(PN-Bersatu)	
4. Mohd Rafee Ibrahim(PH-PKR)	

(2018: Datuk Rahmad Mariman: BN-UMNO: Maj: 1,805)

N19: KESIDANG: MELAKA: 37,304	
1. Seah Shoo Chin(PH-DAP)	
2. Patrick Ng Chin Kae(PN-Gerakan)	
3. Leong Hui Ying(BN-MCA)	

(2018: Seah Shoo Chin (Allex Seah): PH-DAP: Maj: 14,612)

N22: BANDAR HILIR: MELAKA: 19,909	
1. Mak Chee Kin(Bebas/IND)	
2. Leng Chau Yen(PH-DAP)	
3. Lee Kah Sean(BN-MCA)	
4. Clarice Chan Ming Wang(PN-Gerakan)	

(2018: Tey Kok Kiew: PH-DAP: Maj: 11,313)

N23: TELOK MAS: MELAKA: 20,712	
1. Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen(PN-Bersatu)	
2. Muhammad Ariff Adly Mohammad(Bebas/IND)	
3. Datuk Ashraf Mukhlis Minghat(PH-Amanah)	
4. Datuk Abdul Razak Abdul Rahman(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Noor Effandi Ahmad: PH-Bersatu: Maj: 1,288)
(2021: Menjadi Bebas/Became IND)

N24: BEMBAN: MELAKA: 18,573	
1. Dr Mohd Yadzil Yaakub(PN-Bersatu)	
2. Azmi Kamis(Bebas/IND)	
3. Ng Choon Koon(Bebas/IND)	
4. Tey Kok Kiew(PH-DAP)	
5. Datuk Koh Chin Han(BN-MCA)	

(2018: Datuk Dr Wong Fort Pin: PH-DAP: Maj: 1,345)

N25: RIM: MELAKA: 13,672	
1. Azalina Abdul Rahman(PN-Bersatu)	
2. B. Prasanth Kumar(PH-PKR)	
3. Datuk Khaidhirah Abu Zahar(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Ghazale Muhamad: BN-UMNO: Maj: 536)

N26: SERKAM: MELAKA: 15,977	
1. Norazlanshah Hazali(Bebas/IND)	
2. Ahmad Bilal Rahudin(PN - PAS)	
3. Muhammad Khomeini Kamal(PH - Amanah)	
4. Datuk Zaidi Attan(BN - UMNO)	

(2018: Datuk Zaidi Attan: BN-UMNO: Maj: 2,737)

N27: MERLIMAU: MELAKA: 14,014	
1. Azrin Ab Majid(PH-Amanah)	
2. Dr Muhamad Akmal Saleh(BN-UMNO)	
3. Abd Alim Shapie(PN-PAS)	

(2018: Datuk Roslan Ahmad: BN-UMNO: Maj: 130)

N28: SUNGAI RAMBAI: MELAKA: 11,837	
1. Muhammad Jefri Safry(PN-Bersatu)	
2. Farzana Hayani Mohd Nasir(PH-PKR)	
3. Nazatul Asyraf Md Dom(Putra)	
4. Siti Faizah Abdul Azis(BN-UMNO)	

(2018: Datuk Hasan Abd Rahman: BN-UMNO: Maj: 1,669)

Sensasi kopi dua beradik



AMAR Afiq (kiri) dan adiknya, Amri Hafiz (kanan) menunjukkan 'signature menu' di Aroma Kafe.

Fiqah Jamal

KLEBANG - Daripada sekadar angangan kosong, siapa sangka dua beradik dari Kampung Pinang A, kini mampu bergelar usahawan muda yang sedang mencipta nama.

Amar Afiq Shafi Iqbal, 24 dan Amri Hafiz, 22 berjaya merealisasikan impian untuk mengusahakan sebuah kedai kopi berkONSEP santai di Klebang.

Walaupun perniagaan itu baru sahaja dua minggu bermula, kedai yang diberi nama Aroma Kafe itu kini mula mendapat

perhatian penduduk setempat serta orang dari luar Melaka.

Menurut Amar Afiq, idea penubuhan kedai kopi itu bermula sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, yang mana ketika itu ia hanyalah sekadar perbincangan hati ke hati sesama adik beradik.

Walaupun mengambil risiko untuk membuka perniagaan tatkal seluruh dunia sedang 'berkurung', namun mereka tetap meneruskan hasrat tersebut dan mengeluarkan modal anggaran RM70,000 yang dikongsi sesama mereka serta ahli keluarga.

Katanya, selepas setahun merancang, akhirnya kedai kopi itu dibuka secara rasminya pada 31 Okt lalu.

"Memang darah bisnes itu ada pada diri kami sejak kecil lagi, sebab itulah kami tidak pernah putus asa mencuba pelbagai jenis perniagaan."

"Kenapa kopi? Sebab kami berdua memang peminat kopi, selain kami juga melihat trend anak muda masa kini begitu menggemari kopi moden menggunakan mesin berbanding kopi tradisional."

"Lagipun adik saya (Amri Hafiz) pernah bekerja di Australia sebelum ini dan mengagumi konsep kedai kopi di negara itu yang kelihatan 'simple' tapi mendapat sambutan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Amar Afiq yang juga seorang juru teknik di sebuah kilang berkata, pada awalnya, konsep kedai itu hanyalah sekadar mengetengahkan minuman berasaskan kopi sahaja.

Namun, ujarnya, selepas menerima maklum balas orang ramai yang mahukan tempat melepak dan bersantai, mereka mula mengetengahkan makanan seperti cekodok dan sambal untuk pelanggan yang datang.

"Alhamdulillah dalam seminggu dibuka, setiap hari ada sahaja pelanggan yang berkunjung selain kami juga mendapat sokongan keluarga dan rakan-rakan."

"Malah kami juga sudah mempunyai pelanggan tetap yang meminati minuman yang dijual di sini."

"Selain itu, bukan sahaja penduduk tempatan bahkan orang luar juga ada yang singgah ke sini kerana menyukai suasana," katanya.

Sementara itu, Amri Hafiz berkata, sekiranya perniagaan yang diusahakan terus menerima sambutan menggalakkan, dia bersama abangnya berhasrat untuk mambah baik perniagaan dan membuka cabang lain.

"Kalau boleh kita harap dapat buka sekurang-kurangnya satu cawangan Aroma Kafe di setiap negeri."

"Ini ialah bidang makanan dan minuman pertama kami ceburi, jadi kami tahu cabaran memang ada."

"Cumanya, kami bertekad cabaran yang akan ditempuh itu adalah proses untuk belajar dan memajukan diri," katanya.



AROMA Kafe di Kampung Pinang A yang semakin menjadi tarikan di Klebang.



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (Melaka State Development Corporation)

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran seperti berikut :-

KETERANGAN KERJA	BIDANG DAN TARAF PENDAFTARAN	PEMBAYARAN DOKUMEN
PKNM/T/5-2021 CADANGAN KERJA-KERJA PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DI KAMPUNG TERSUSUN PERTAM (PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA) DI BANDAR JASIN BESTARI DI ATAS SEBAHAGIAN PT 4299 (LOT BARU 5320) MUKIM AYER PANAS, DAERAH JASIN, MELAKA.	Gred : G6 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam) Tarikh & Masa : 19 November 2021 (Jumaat) Lalaw Tapak : 10.00 Pagi (Berkumpul di Petronas, Bandar Jasin Bestari, Melaka) Tarikh Jual Dokumen : 19 November 2021 hingga 25 November 2021 Tarikh Tutup Tender : 14 Disember 2021 (Selasa)	RM400.00 <i>(Dalam Bentuk Wang Kiriman Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.)</i>

LAWATAN TAPAK

Kontraktor yang ingin menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN HADIR** dalam **LAWATAN TAPAK** ini. Hanya Kontraktor yang **HADIR** sahaja **DIBENARKAN** untuk menyertai tawaran ini. Segala perbelanjaan ke tapak bina adalah atas tanggungan kontraktor. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak atau Taklimat Tender. Walaubagaimanapun lawatan tapak akan diadakan pada ketentuan seperti dijadual dengan mematuhi 'Standard Of Procedure (SOP)' seperti berikut :-

- Pemakaian pelitup muka (face mask).
 - Pemeriksaan suhu badan semasa lawatan tapak.
 - Penjarakan sosial sejauh 1 meter
 - Penggunaan sanitasi tangan
- Dokumen Tender serta lukisan boleh diperolehi dari Kaunter Bayaran Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, dalam waktu Pejabat. Dokumen-Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh tersebut.
 - Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor/ wakil-wakil yang bertauliah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor / wakil hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut :-
 - Surat Perwakilan yang **ASAL** sekiranya kontraktor menghantar wakil.
 - Sijil-sijil asal dan salinan untuk rekod.
 - Tender hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Lobi Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, pada atau sebelum pukul 12.00 Tengahari.**



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THERE is a line in Betawi-born Ismail Marzuki's *keroncong* number titled "Rindu Lukisan" which says "Maklum maksud tak sampai" (message conveyed not understood).

My earlier complaint was that the *pantun*, as the Malay medium/media and message *par excellence* has been far removed from the corpus of media studies in Malaysia (and in Indonesia). I lamented on the problem in a 2013 article titled "Membisu Seribu Bahasa, Mendusta Seribu Kata: Kesedaran Alam Melayu dalam Kajian Komunikasi in Malaysia" (Silence in a Thousand Languages, Deceit in a Thousand Words: The Consciousness of the Malay World in Communication Study in Malaysia). It was carried in the journal *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Two lines from "Rindu Lukisan" worded the first part of the title.

The *pantun* is silenced as an object of inquiry in the universities. It corpus residing in some tiny space in Malay Studies. The *pantun* is not studied in the other faculties. Certainly not in media studies. The *pantun* is indigenous to the Malay world. It is the quintessence of the Malay psyche. We see it as an art form, a ritual for ceremonial purposes. It is essentially a capsule of the Malay world view, the embodiment of Malay identity. On campus, and in schools, the *pantun* must be used to discipline students in the art and science of thinking, and expression.

Scholar of literature and connoisseur of the *pantun*, Sasterawan Negara Professor Muhammad Haji Salleh (2006) describes the *pantun* as manifesting the genius of the Malay, and where we find "the magic of literature." The *pantun* comes in various names, and forms, capturing life, thought and aesthetics. We find it in the Malay peninsula, Betawi, Riau, Ambon and Aceh. The Melaka Malays and Peranakans celebrate the form. So also with the Jakarta Peranakans. According to Muhammad, there are almost a hundred manuscripts of the *pantun* collected in the libraries of Jakarta, Leiden, Paris, London, and Berlin, mostly from the end of the last century. These collections are by scholars from

The Pantun: A Cultural Investment in the Medium and the Message

England, Holland and Germany.

The *pantun* was born from an oral past and continued this charmed life essentially as an oral form. It is lived in orality, and aurality, and now altered by print. Since the end of the 19th century, the *pantun* has been published in many Malay dialects. The form has also drifted into Europe. The French call it pantoum. We find this in the writer Victor Hugo, and resonating in Henry Fauconnier's *The Soul of Malaya* (1931).

The form is ever-developing. In its earliest meaning the term *pantun* perhaps did not refer to the form that we know it today. It is only by the 17th century the word came to stand for the form, mainly in the Peninsular, Sumatra and parts of Borneo. This is where we see the Malay interacting with the environment, the expanse of the geography of the *Tanah Air* which saw the world spreading out before them as a teacher, as in the instructions saying – 'alam terkembang jadi guru.'

The earliest *pantun* forms would probably be two-line verses that have similarities with concise proverbs. They contained a line called the *pembayang*, the foreshadow; and the *maksud*, or meaning proper. For example,

Ada ubi, ada batas.
Ada budi, ada balas
(Tubers in the ridge
Kindness will see repayment)

The two-line verse developed into a four-line form after poets struggling to express themselves noticed that a mere couplet could not do justice to the complex world or the rumination of the serious observer of human life. Thus the four-line *pantun* was born. Muhammad asserts that the four-line model was perhaps the most successful, and remain the more elaborate of Malay traditional poetic forms.

Hence the popular form would have a meaning indicator (*pembayang maksud*) rhyming with the words in the last two lines called the meaning stanza, and the meaning proper (*rangkap maksud*) - simple and melodious, with metaphors and allusion. When the four-line *pantun* becomes a constraint, the lines are increased to six, eight, ten,



THE *Pantun* spread far and wide in the Malay world and may take the form of a series of interwoven quatrain with the same structure: there are hints and purposes, with rhymes in 'a b a b' arrangement in the last quarter of lines 1 and 3, 2 and 4. (PHOTO source internet)

" Virtual space sees the return of the *pantun*, a rebirth of the medium, a renewed orality and aurality. The medium and the message have come full circle. "

and twelve. And there is the twenty-line Minangkabau *pantun*. We also find linked *pantun* (*pantun berkait*).

What we see (or hear) is the spontaneous creation of the oral structure in flawless language to convey meanings. The virtual and the real appear at the same time – all at once. The *pantun* is the simultaneous product of the left-right brain *akal* (reasoning, rationality, emotion and imagination). Central to this all-at-once emergence of the abstract and the concrete is the *budi*, precisely taken to mean a network of intelligence and emotion.

The virtuality and the reality of the *Alam Melayu* breath the same air. *Pantun* performance as in the *wayang kulit*, *dondang sayang*, *dikir barat*; and the lullaby *pantuns* as well as the *adat pantuns* hold peculiar oral qualities dear to society. It is a vehicle for the transmission of origins, observations,

criticisms and news.

Pantuns are intellectual symbols, of ruminations on life, and order. It is the lore, and the law, unwritten in its pristine form. A medium holding in abeyance of our understanding of media. Virtual space sees the return of the *pantun*, a rebirth of the medium, a renewed orality and aurality. The medium and the message have come full circle.

We find *pantuns* in advertisement, lyrics, comics, introductory lines on television and radio, in plays and films. Advertising billboards are potential spaces for *pantuns*. These are untapped, unused, and ignored cultural space. Once I casually suggested to a group of scholars and the literati on displaying *pantuns* along highways and in towns. The immediate question asked was – who will pay for these? We need to alter our attitude toward cultural investment.

There is a *pantun* inscribed on a wall of a house on the shores of Lake Maninjau in the Minangkabau heartland: *Yang kuriak itu kundi/Yang merah itu sago/Yang baik itu budi/Yang indah itu baso* [Trans. The speckled is the spotted/The Indian pea is red in form/The virtuous is kindness/The resplendent is decorum]. The *maksud* awaits.

**NEXT WEEK:
Watan (1976-1997)**

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican** is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



ABDUL Majid (tiga dari kiri) ketika berucap dalam taklimat Penyelaras SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pemberian permit kepada calon-calon parti atau wakil dalam tempoh berkempen PRN 2021, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka.

'Jangan pura-pura tak faham SOP'

Fiqa Jamal

AYER KEROH – Jangan pura-pura tak faham prosedur operasi standard (SOP) Pilihan Raya Negeri (PRN), itu amaran Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali.

Beliau berkata, kesemua parti politik yang bertanding perlu memandang serius terhadap SOP yang ditetapkan dan tidak memberikan alasan dengan mendakwa kekurangan pengetahuan menjadi punca mereka ditahan pihak berkuasa selak.

"Pihak SPR, MKN dan Kesihatan telah mengeluarkan SOP Pilihan Raya jadi tidak ada alasan tidak tahu, tidak peka dan sebagainya.

"Beberapa perkara yang kabur

“Beberapa perkara yang kabur dalam pelaksanaan SOP telah dijalankan dan saya berharap pihak-pihak yang berkempen dalam pilihan raya boleh melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengikut peraturan ditetapkan dan tidak lagi melanggar SOP ditetapkan,” katanya

dalam pelaksanaan SOP telah dijalankan dan saya berharap pihak-pihak yang berkempen dalam pilihan raya boleh melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengikut peraturan ditetapkan dan tidak lagi melanggar SOP ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian sel-

pas menghadiri Majlis Taklimat Penyelaras SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pemberian permit kepada calon-calon parti atau wakil dalam tempoh berkempen PRN 2021, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, 10 Nov lalu.

Hadir sama, Timbalannya

Datuk Razali Abu Samah, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri Asisten Komisioner Azlan Abu, Pengarah Kesihatan negeri Dr Rusdi Abd Rahman, Pengarah MKN negeri Mohd Nasrul Menhat dan Setiausaha Bahagian Pembangunan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Mohd Fazir Yusoff.

Dalam pada itu, Abdul Majid mengingatkan parti politik serta calon bertanding agar memohon permit untuk menggunakan lori atau van yang dipasang alat pembesar suara sebelum dibenarkan berbuat demikian.

"Setiap parti perlu mendapatkan permit iaitu satu kenderaan untuk satu permit yang digunakan mereka dan pihak polis akan luluskannya dengan menetapkan masa

dibenarkan untuk berada di jalan raya iaitu maksimum dua jam dan tidak boleh bergerak sesuka hati.

"Tujuan permit ini dikeluarkan untuk mengawal ketenteraman dan kesihatan awam," katanya.

Abdul Majid berkata, sejak 25 Okt hingga 10 Nov, pihaknya menerima sebanyak 23 laporan berkaitan kesalahan pelanggaran SOP mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Daripada laporan itu, pihaknya telah mengeluarkan kompaun berjumlah RM82,000 terhadap parti politik yang melanggar kesalahan seperti tiada penjarakan fizikal, tidak memakai pelitup muka dan tidak membuat imbasan kod QR MySejahtera.

SOP PRN kekal, elak gelombang keempat

Faris Haikal Zakaria

BUKIT BERUANG – Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka menegaskan penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) bagi menjalankan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka kekal dan tidak akan berubah.

Pengarah Kesihatan Melaka Dr Rusdi Abd Rahman berkata, bila pun terdapat sesetengah individu termasuk parti politik mempertikaikan SOP tersebut, namun ia tetap perlu dilaksanakan sama ada mahu atau tidak.

Tegasnya, ia bertujuan untuk mengelakkan berlakunya gelombang keempat penularan wabak COVID-19 di negara dan negeri ini khususnya.

"Secara keseluruhannya saya nampak mungkin dari pada awal lagi (ada yang) mungkin kurang faham dan kedua dia faham tapi dia tak berpuas hati dengan SOP kita



DR Rusdi

tapi selepas taklimat diadakan, saya rasa kefahaman mungkin dah tak ada masalah lagi lah.

"Memang kalau nak puaskan hati kita tak dapat puaskan hati semua orang tapi yang utama sekali kita perlu utamakan kesihatan awam dan tak mahu Melaka ini menjadi pusat atau tercetusnya gelombang keempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita setepas mengetuai Taklimat Penyelaras SOP Majlis

Keselamatan Negara (MKN) dan pemberian permit kepada calon-calon parti atau wakil dalam tempoh berkempen PRN 2021.

Hadir sama, Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali, Timbalannya Razali Abu Samah, Pengarah MKN Melaka Mohd Nasrul Menhat dan lain-lain kenamaan.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan segala aktiviti perhimpunan, ceramah maupun aktiviti ziarah oleh calon atau penyokong parti ke rumah-rumah pengundi serta aktiviti 'walkabout' adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sebaliknya, setiap parti perlu memanfaatkan sepenuhnya kempen secara dalam talian sepanjang PRN selain berkempen secara norma baharu bagi mengelakkan tercetusnya kluster baharu COVID-19 sepanjang PRN Melaka, 20 Nov ini.

“Memang kalau nak puaskan hati kita tak dapat puaskan hati semua orang tapi yang utama sekali kita perlu utamakan kesihatan awam dan tak mahu Melaka ini menjadi pusat atau tercetusnya gelombang keempat”

SPRM lancar bilik gerakan PRN Melaka



SPRM

AYER KEROH – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 8 Nov melancarkan bilik gerakan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka bagi penyaluran maklumat berkaitan aktiviti rasuah dalam pilihan raya itu.

Menerusi kenyataan agensi itu, bilik gerakan itu dibuka bagi membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat mengenai perbuatan rasuah atau salah guna kuasa berkaitan PRN.

"Bilik gerakan PRN Melaka yang beroperasi dalam tempoh 24 jam akan dibuka di SPRM Melaka beralamat di No.2, Jalan Alai Perdana 16, Crystal Bay, Alai bermula hari ini," kata kenyataan itu.

Mengulas lanjut, kenyataan itu turut memaklumkan orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat berkaitan menerusi kiriman emel di alamat emel aduan.prnme.laka@sprm.gov.my atau menerusi talian talian 06-289 6011 atau 06-289 6000.

Dalam pada itu, SPRM mengingatkan calon dan parti politik yang bertanding agar tidak melakukan sebarang aktiviti melanggar undang-undang pilihan raya.

"Ia selaras dengan Akta SPRM 2009 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Pindaan 2012)," kata kenyataan itu.



PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

ANDA mungkin telah terdengar atau terlihat kepada kawan anda atau keluarga anda sendiri bila prosedur kolostomi di buat ke atas mereka. Tidakkah anda bertanya-tanya kenapa kolostomi atau usus stoma dilakukan? Memang sesuatu yang tidak disenangi oleh pesakit dari segi psikologi bila cara pembuangan najis bukan lagi dari dubur tetapi dari stoma di abdomen.


Apakah itu sebenarnya? Kenapakah stoma dilakukan untuk seseorang pesakit? Kolostomi adalah operasi yang dilakukan untuk mengatasi berbagai jenis penyakit usus besar. Ini berlaku bila najis susah di keluar dari usus besar di sebabkan oleh penyakit usus besar ini, termasuk

- Penyakit usus IBD seperti Crohn's atau Ulcerative Colitis
- Barah kolorektal terutamanya barah rektum
- Radang usus yang menyebabkan kebocoran seperti diverticulitis
- Kebocoran usus dari pelbagai sebab seperti "blunt trauma" atau "penetrating trauma"

Kolostomi ini bersifat sementara atau permanent (kekala seumur hidup) dan untuk kolostomi sementara, pakar bedah akan menentukan bila masa yang sesuai untuk kolostomi itu di tutup. Kebanyakannya akan di tutup dalam jangka masa 6 bulan, itu pun tertakluk kepada keadaan kesihatan pesakit.

Stoma terdapat dua jenis iaitu kolostomi dan ileostomi. Jika kolostomi dibentuk pada bahagian usus besar dan dibawa keluar hingga kebahagian perut (abdomen), ileostomi pula dibentuk pada bahagian usus kecil. Pesakit yang mempunyai kolostomi perlu mengubah pemikiran mereka dan membuang rasa malu atau takut untuk membuat pembedahan stoma. Pesakit stoma boleh menjalani kehidupan seperti biasa walaupun terpaksa bersama beg stoma sepanjang masa kerana pesakit yang telah menjalani penbedahan boleh makan pelbagai makanan seperti sebelum pembedahan dan tiada sebarang pantang larang dalam pemakanan kecuali bagi yang mengalami penyakit seperti masalah jantung, kencing manis atau darah tinggi kerana

Kolostomi atau stoma usus : Apakah anda perlu tahu ?



mereka perlu mengikuti nasihat pemakanan daripada pakar nutrisi.

Stoma sepatutnya berwarna merah atau merah jambu. Tisu yang membuat stoma adalah lapisan usus, dan harus lembab dan berkila. Ia sangat serupa dengan penampilan di dalam mulut anda. Kulit yang paling dekat dengan stoma akan dijahit dengan lapisan usus stoma semasa prosedur pembedahan. Kulit tersebut akan terjengkel tetapi ia akan menjadi normal.

Tanda tanda masalah stoma adalah seperti berikut

- Stoma tidak lagi merah atau merah jambu, tetapi kelihatan pucat.
- Stoma tidak lagi lembab dalam penampilan, atau kelihatan kering.
- Stoma anda sangat gelap, dan kelihatan warna merah tua, ungu atau hitam.
- Lapisan mucosa stoma berulcer atau bernanah.
- Stoma kelihatan seolah-olah "dicekik" oleh perkakas.
- Anda merasa sakit dari stoma.
- Stoma anda kelihatan menarik diri ke dalam perut anda atau berkembang di luar abdomen anda.
- Kulit di sekeliling stoma kelihatan dijangkiti dan / atau merah atau kemarahan dalam penampilan.

Sakit kulit, mempunyai sensasi yang membakar atau perubahan warna.


Kulit anda mengalami luka atau kerokan di sekeliling stoma atau di manapenkakaster letak.

Yang paling mustahak adalah penjagaan stoma. Peralatan khas untuk mengumpul najis dan tapak stoma dan cara pemasangan yang betul perlu di pelajari oleh pesakit dan juga keluarga. Bagi stoma perlu di cuci selalu untuk mengelakkan berbau. Di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka, saya mempunyai jururawat yang bertauliah untuk mengajar pesakit tentang penjagaan

kolostomi yang betul.

Yang paling utama ialah pesakit boleh menjalani kehidupan yang biasa seperti berriahadah dan menjalani aktiviti bersukan. Janganlah malu atau beranggap-pun negatif tentang stoma.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan kolostomi dan penjagaan kolostomi anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kiorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131



Lingua Franca

Bahasa Melayu tinggi peradaban, satukan bangsa

Fiqa Jamal

MENURUT Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahasa Melayu didefinisikan sebagai nama suatu bangsa terutamadi Semenanjung Malaysia.

Bahasa Melayu dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Bahasa Melayu Kuno, klasik dan moden.

Sebelum kedatangan British, Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan, pentadbiran, kesusastraan dan pengantar.

Pada zaman pemerintahan British, Bahasa Melayu semakin dipinggirkan dan selepas merdeka Bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia.

LINGUA FRANCA

Menurut satu jurnal dari Fakulti Bahasa dan Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Melaka (KUIM), Bahasa Melayu pernah diiktiraf sebagai bahasa Lingua Franca suatu ketika dahulu.

Lingua Franca merupakan bahasa Itali bermaksud bahasa perantara yang digunakan secara sistematis untuk tujuan perhubungan antara orang-orang yang tidak sama bahasa ibundanya.

Lingua Franca ditakrifkan berdasarkan fungsi, pada alaf ke-21, masyarakat Malaysia

lebih terdedah dan cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan.

Ini kerana penggunaan bahasa Inggeris dilihat sebagai salah satu bahasa yang sangat berpengaruh dan sering digunakan oleh semua masyarakat di seluruh dunia dalam proses komunikasi.


TINGGI PERADABAN

Menurut Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Mohd Farid Mohd Shahran pada 2019, kehebatan sesuatu bahasa terserah jika mempunyai ciri-ciri kewibawaan dan keindahan yang diiktiraf sejarah seperti bahasa Melayu.

Selaras kedatangan Islam ke nusantara, Bahasa Melayu digunakan meluas sebagai bahasa Lingua Franca lebih 200 juta penduduk di rantau ini.

Ia berperanan sebagai bahasa perantara oleh pedagang Arab, Cina dan India yang datang berdagang di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-13.

Seorang pelayar dan pedagang Inggeris, Thomas Bowrey, yang menulis kamus Bahasa Inggeris-Melayu pada 1701, membuat perhatian bahawa, 'in all the islands of Sumatra, Java, Borneo, Maccassar, Balee, Cumbava, Sallayer, Bootoon, Booro, Ceram



PETA yang menunjukkan negara dalam dunia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara.

and Mollucas, the Malay language is received and generally used in all the Trading Ports of those islands.'

Ringkasnya maksud Bowrey, Bahasa Melayu adalah Lingua Franca perdagangan bagi Kepulauan Melayu.

BAHASA PENTERJEMAHAN

Penggunaan Bahasa Melayu bukan sekadar terbatas oleh mualih yang menjalankan dakwah dan guru yang mengajar di sekolah, malah menjadi alat untuk menyampaikan pemikiran intelektual tinggi seperti falsafah teologi dan tasyaaf Islam oleh ilmuwan Islam tersohor yang berperanan membina akal dan jiwa ilmiah masyarakat nusantara.

Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas berkata, aspek intelektual inilah yang membawa semangat rasionalisme dan akliyah dalam pemikiran agama di alam Melayu, berbanding kerangka sebelumnya yang lebih banyak dipengaruhi unsur mitos dan khayal.

Dengan Bahasa Melayu sebagai pengantar, peranan menterjemah pemikiran tinggi menjadikan bahasa ini semakin kayadari segi perbendaharaan dan istilah teknikal, sehingga mampu mengetepikan penggunaan Bahasa Jawa yang lebih banyak dipengaruhi seni sastera Hindu.

BAHASA ILMU



Antara faktor kekuatan Bahasa Melayu ialah kaitan rapat dengan peradaban Islam yang menjadi sebuah tamadun ilmu yang sedia menguasai tiga perempat dunia.



ILUSTRASI ketika Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantara pelbagai bangsa satu masa dahulu ketika berdagang di Melaka.

Bahasa Melayu sendiri banyak dipengaruhi perbendaharaan bahasa Arab. Ia secara tidak langsung meningkatkan keupayaannya sebagai bahasa ilmu bersifat antarabangsa, sebagaimana Bahasa Arab berperanan mengembangkan pelbagai ilmu dalam tamadun Islam.

Justeru, segala usaha memantapkan Bahasa Melayu harus didukung semua pihak, ini kerana apa sahaja bentuk penafian terhadap kepentingan Bahasa Melayu hanya menyumbang kepada retaknya kesatuan bangsa.



A DICTIONARY English & Malayo, Malayo and English
Author: Thomas Bowrey (1650–1713)
Year published: 1701
Publisher: Printed by Sam Bridge (London)
Language: Malay and English

KAMUS Bahasa Inggeris-Melayu yang diterbitkan pada tahun 50-an menunjukkan Bahasa Melayu, merupakan bahasa utama pelayaran di nusantara. (Sumber: FB Warkah Haji Sulong)



IKLAN JAWATAN KOSONG

KETUA JABATAN KEWANGAN (GRED EX-6)

Syarat Lantikan :

1. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
2. Mempunya kelayakan professional ACCA atau CIMA serta dan ahli berdaftar dengan MIA atau berpengalaman dalam isu perakaunan secara operasi dan teknikal;
3. Lulus kursus/latihan dan/atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
4. Mempunya sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam sektor korporat berkaitan pengurusan kewangan.

Syarat Tambahan :

1. Keutamaan anak Melaka atau pasangan Melaka atau menetap di Melaka
2. Tiada hubungan kekeluargaan (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik) yang bekerja di SAMB

Cara Memohon :

Pemohonan jawatan kosong ini boleh dibuat melalui platform JobStreet

MPHTJ diiktiraf Bandar Mampan 2021

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) melakar sejarah apabila menerima Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2021 tempat kedua bagi kategori Majlis Perbandaran, 9 Nov lalu.

Ia selepas pihak berkuasa tempatan itu meraih markah keseluruhan 92.58 peratus, selain mencatat keputusan cemerlang dalam 39 program MURNI nets yang telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman berkata, penghargaan itu sekali gus melayakkan MPHTJ membawa pulang wang tunai RM5,000 beserta trofi dan sijil penghargaan.

"Kejayaan demi kejayaan terus dikecapi oleh MPHTJ dalam menjadi sebuah PBT yang unggul di Melaka khususnya dan Malaysia amnya."

"Pengukuran Bandar Mampan di Malaysia dilaksanakan berdas-



MPHTJ terima Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2021 tempat kedua kategori Majlis Perbandaran. (FOTO: Mr Azli)

kan kerangka MURNI nets yang mengandungi lima strategi, enam dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk yang dibentuk berdasarkan dasar pembangunan utama Negara ber-kaitan dengan ekonomi, sosial dan

fizikal.

"Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat, khususnya kepada Jabatan Perancangan Bandar MPHTJ sebagai urusetia dan penggerak kepada usaha berterusan sejak tahun 2012," katanya.

Pengiktirafan itu diumumkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican di laman sosial Facebook, dalam satu majlis secara dalam talian, pada 9 Nov.

Shadan berkata, indeks kebahagian diukur melalui kajian kebahagian penduduk di dalam sesebuah kawasan PBT di dalam negara.

Indeks kebahagian juga, jelasnya, termasuk dalam satu indikator daripada 39 indikator di dalam program murninets.

"Pelaksanaan MURNI nets ini turut disertai sebanyak 127 PBT yang terdiri daripada 98 PBT, tiga Wilayah Persekutuan dan 26 PBT Sabah," katanya lagi.

SK Lesong Batu kebanggaan Melaka

ALOR GAJAH – Kumpulan Lentera Budaya dari Sekolah Kebangsaan Lesong Batu, di sini berjaya mengharumkan nama Melaka apabila menggondol lima anugerah dalam pertandingan Cabaran Tarian Tradisional Kreatif (Solo) Peringkat Kebangsaan 2021 anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan secara dalam talian baru-baru ini.

Dua muridnya iaitu Marsya Najihah Saifulizan dan Muhammad Raziq Farhan Muhammad Farid masing-masing berusia 12 tahun dinobat sebagai johan kategori perempuan dan kategori lelaki dalam pertandingan itu.

Lebih membanggakan, kedua-dua mereka turut merangkul Anugerah Penari Wanita Terbaik, Anugerah Penari Lelaki Terbaik dan Anugerah Busana serta Tata-rias Terbaik Kategori Perem-

puan.

Selain itu, dalam pertandingan berasingan, Marsya Najihah turut dinobatkan sebagai juara kategori perempuan Sekolah Rendah dan Anugerah Penari Perempuan Terbaik dalam pertandingan Zapin Kreasi di Festival of Colours of the World (FESCO) 2021 anjuran Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Dia juga pernah memenangi Anugerah Platinum dalam Idola Celik Malaysia 2021 anjuran Malay World Cultural Paradise (MWCP) pada Ogos lalu.

Malah, kumpulan Lentera Budaya senior dan junior turut melakar sejarah peribadi apabila mengungguli lima tempat terbaik kategori lelaki dan perempuan dalam Pertandingan Tarian Tradisional Kreatif Solo Sekolah Rendah sempena Rekayasa Kesenian anjuran Jabatan

Pendidikan Melaka pada awal September lalu.

Atas kejayaan membanggakan itu, Lentera Budaya yang juga merupakan peserta Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) dan Kumpulan Tunas Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Melaka telah dijemput membuat persembahan secara langsung dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia, baru-baru ini.

Menurut Guru Besar SK Lesong Batu Mohamad Zamhuri Mohamad Yatim, komitmen tinggi guru penyelaras Lentera Budaya, Hermayati Johar serta kerjasama erat ibu bapa menjadi resepi kejayaan membanggakan ini.

"Latihan secara berkala yang dijalankan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat tidak menjadi penghalang ini," katanya.

aktiviti dilakukan dengan sistematik.

"Jutaan tahniah dan terima kasih kepada Lentera Budaya, ibu bapa dan para jurulatih serta krew iaitu Fazs Abdullah, Wanda (Maszuan Musbah), Farouk Najib, Umi, Jojo (Norzuhaillie Mohd Yusof), Kamal, Suhaimi, Hafiz dan Faqrul serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membina kemenjadian murid SK Lesong Batu.

"Kerjasama erat antara pihak sekolah dengan Pejabat Pendidikan Alor Gajah, Jabatan Pendidikan Melaka, JKKN Melaka, Briged Seni Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan jabatan-jabatan luar serta orang perseorangan menjadi tunjang kepada pencapaian membanggakan ini," katanya.



KUMPULAN Lentera Budaya Senior SK Lesong Batu.



FARUDIN Hanif (kanan) dan Ahmad Hafiz (kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir.

UTeM cakna hulur bantuan pada mangsa banjir Melaka

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) cakna dan prihatin menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di sekitar Negeri Melaka, baru-baru ini.

Inisiatif itu digerakkan Pusat Kolaborasi Industri & Masyarakat, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM.

Pengarah Pusat Kolaborasi Industri & Masyarakat Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM, Prof Dr Effendi Mohamad berkata, sumbangan itu diharapkan dapat meringankan beban yang ditanggung mangsa banjir sekitar Melaka.

"Inisiatif ini memupuk semangat membantu sesama komuniti warga UTeM, institusi kerajaan dan masyarakat sekali gus merealisasikan tanggungjawab sosial warga UTeM kepada masyarakat setempat selari dengan slogan 'UTeM is Melaka, Melaka is UTeM'.

"Sumbangan disampaikan kepada mangsa banjir terdiri daripada 71 pelajar dan 50 keluarga kakitangan UTeM serta 22 keluarga warga komuniti sekitar Melaka," katanya.

Antara barang yang disumbangkan adalah makanan dan keperluan asas seperti makanan kering, air minuman, keperluan peribadi seperti sabun mandi, sabun basuh, syampu, tuala wanita, berus gigi dan ubat gigi serta cecair pembasmi kuman, baldi, mop, lampin pakai buang dan sebagainya.

Turut menjayakan Penolong Pendaftar Kanan Pusat Kolaborasi Industri & Masyarakat, Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UTeM, Farudin Hanif Ya'lamah dan Ahmad Hafiz Mohd Puad.

187,690 usahawan terjejas terima bantuan

KUALA LUMPUR - Sebanyak 187,690 usahawan dan koperasi terjejas bagi tempoh September 2021 hingga 31 Oktober 2021 telah menerima bantuan pembiayaan termasuk moratorium, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Tan Sri Noh Omar.

Beliau berkata selain itu sebanyak 2,618 usahawan baharu dalam kalangan golongan hilang pekerjaan iaitu beliau dan graduan telah dilatih untuk menceburi bidang keusahawanan.

"Sebanyak 7,113 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) telah dibantu bagi memperkuuh daya tahan perniagaan melalui adaptasi teknologi.

"Pada masa yang sama, selaras dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dalam membina 'bangsa usahawan' dan menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul, beberapa garis panduan dan strategi telah disusun bagi memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan," katanya pada sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat 11 Nov lalu.

Beliau menjawab soalan Datuk



NOH

Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) mengenai sasaran PMKS, kejayaan yang telah dicapai dan tindakan untuk membantu mereka membina 'bangsa usahawan' dan menjadikan negara sebagai negara keusahawanan.

Noh berkata usaha melahirkan budaya 'bangsa usahawan' telah bermula sejak di peringkat sekolah melalui penubuhan koperasi.

"Selain itu, Kementerian Pendidikan telah mewujudkan elemen atau komponen keusahawanan sedia ada yang telah dimasukkan dalam elemen

merentas kurikulum peringkat sekolah rendah dan menengah di samping mata pelajaran khusus keusahawanan di bawah bahagian pendidikan dan latihan teknikal vokasional," katanya.

Menjawab soalan tambahan M Karupaiyah (PH-Padang Serai) mengenai usaha kementerian untuk membantu usahawan yang terpaksa gulung tikar akibat pandemik, Noh berkata bantuan kepada mereka yang terjejas termasuk pinjaman atau geran, serta moratorium.

"MEDAC juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi. Contohnya, kita mahu pastikan 848 unit premis perniagaan di kompleks beli-belah milik Uda Holdings Bhd (Uda) di seluruh negara beroperasi 100 peratus.

"Setakat ini, menjelang hujung bulan ini semua premis perniagaan di kompleks perniagaan Uda akan bermula dengan membawa mana-mana usahawan yang mahu memulakan perniagaan di premis UDA," katanya saman bil memaklumkan mereka akan diberikan pinjaman melalui agensi lain seperti Tekun Nasional dan Bank Rakyat untuk memulakan perniagaan. - BERNAMA



SEKTOR penerbangan dijangka kembali bernafas apabila koridor perjalanan antara Malaysia-Indonesia termeterai. (Gambar hiasan)

Sinar baharu buat pekerja industri penerbangan

BATU PAHAT - Pelaksanaan koridor perjalanan antara Malaysia-Indonesia yang dipersetujui oleh pemimpin kedua-dua negara itu dijangka memberi 'sinar baharu' kepada pekerja dalam industri penerbangan di negara ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata bagi menjayakan koridor perjalanan membabitkan kedua-dua negara berkenaan, pembukaan semula sempadan secara selamat dan terperinci akan dilakukan bagi memastikan keselamatan rakyat terjaga ketika masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19.

"Saya difahamkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Presiden Indonesia Joko Widodo sudah mencapai kesepakatan bahawa penerbangan dari Jakarta ke Kuala Lumpur akan dibuka kembali.

"Dengan pembukaan ini (koridor perjalanan), iadalah nantikan oleh anak-anak kita yang bekerja dalam industri penerbangan seperti pramugara, juruterbang dan mereka yang dalam bidang logistik akan kembali bertugas, mereka menantikan semua ini. Dan kita (kerajaan) pastinya akan buka (koridor perjalanan) secara berhati-hati, waspada dan teratur tatkala berhadapan dengan pandemik COVID-19," katanya ketika berucap di Majlis Penyampaian 163 Helai Jubah Kepada Imam dari 32 masjid dan surau di Ayer Hitam pada 11 Nov lalu.

Pada 10 Nov, Ismail Sabri dalam satu kenyataan memaklumkan Malaysia dan Indonesia mencapai persetujuan untuk melaksanakan koridor perjalanan di antara kedua-dua negara, pasca COVID-19, hasil lawatan sulungnya ke republik itu.

Kedua-dua negara mencapai persetujuan untuk melaksanakan satu koridor perjalanan antara kedua-duanya melalui aturan Aturan Koridor Perjalanan (TCA) atau Laluan Perjalanan Vaksinasi (VTL).

Koridor perjalanan itu apabila dilaksanakan kelak, akan memberi keutamaan kepada mereka yang sudah lengkap divaksinasi, bagi kategori pengembara untuk tujuan rasmi, perniagaan, perubatan dan kemanusiaan.

Selain itu, koridor perjalanan itu juga akan membabitkan pengiktirafan bersama sijil vaksinasi COVID-19 dan standard keputusan ujian saringan Polymerase Chain Reaction (PCR) COVID-19.

Inisiatif berkenaan dijangka dapat dimuktamadkan dan mula dilaksanakan pada awal 2022. - BERNAMA

MARDI sasar 800 hektar tanaman baharu seluruh negara

MELAKA – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyasarkan 800 hektar penanaman tanaman baharu di seluruh negara seperti durian MDUR88, belimbing Bintang Mas dan kopi Liberica menerusi Projek Perintis MARDI bermula tahun depan hingga 2025.

MARDI dalam kenyataan memaklumkan sekurang-kurangnya 10 projek perintis akan dilaksanakan setahun dan peserta terpilih perlu berdaftar di bawah pejabat MARDI negeri.

"Projek Perintis MARDI merupakan program pemindahan teknologi kepada golongan petani bagi tujuan menambah pendapatan mereka melalui program penanaman benih yang menggunakan varieti serta teknologi tanaman hasil penyelidikan MARDI," menurut kenyataan itu.

Dalam padai itu, MARDI telah mengadakan majlis pernyataan anak pokok dan mesin kepada peserta Projek Perintis negeri Melaka dan Projek Rezeki Tani, masing-masing di Kampung Serkam dan Pekan Sungai Rambai, Jasin, 7 Nov lalu.



MOHAMAD Zabawi menyampaikan anak pokok durian MDUR88 kepada peserta projek perintis sambil disaksikan Ahmad.

Peserta Projek Perintis Zakaria Abu Bakar menerima anak pokok durian MDUR-88 dan D-99 manakala peserta Projek Rezeki Tani Abdul Ghafar Abdullah yang menjalankan perusahaan pemprosesan cendol menerima mesin pemprosesan makanan (MAFI).

Penyerahan dilakukan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah dan turut dihadiri Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Program Rezeki Tani merupakan Projek Azam Tani yang dijenamakan

semula pada 2019, iaitu sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang diselaras dengan pelaksanaannya oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Objektif program adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui pemberian bantuan projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan," menurut kenyataan itu.

Selain itu, program ber-

kenaan juga bertujuan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan disediakan dan mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ketahap lebih tinggi.

Menurut MARDI, peserta yang dipilih bagi kedua-dua projek berkenaan perlu bersedia menerima tunjuk ajar, latihan serta bimbingan mengikut garis panduan dan prosedur operasi standard ditetapkan MARDI dari semasa ke semasa bagi memastikan hasil yang dikeluarkan peserta mencapai tahap optimum. - BERNAMA

Zii Jia calon pemain paling meningkat dunia

KUALA LUMPUR - Juara All England 2021, Lee Zii Jia adalah calon dalam kategori Pemain Paling Meningkat Tahun Bagi Tahun 2020/2021 dalam Anugerah Pemain Terbaik Tahunan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) tahun ini.

Bagaimanapun, Zii Jia akan dicabar oleh rakan sepasukan yang juga pemenang pingat gangsa Olimpik Tokyo Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang turut disenaraikan dalam kategori itu, menurut satu kenyataan yang dikeluarkan BWF pada 11 Nov.

Turut tersenarai pemenang pingat emas beregu lelaki Olimpik Tokyo, Wang Chi-Lin-Lee Yang dari China Taipei dan pemain perseorangan wanita nombor 10 dunia Pornpawee Chochuwong dari Thailand.

Sementara itu, juara perseorangan lelaki SU5 (kecacatan fizikal) Paralimpik Tokyo Cheah Liek Hou merupakan pesaing di dalam kategori Pemain Lelaki Badminton Para Terbaik Tahunan.

Pramod Bhagat dari India, Daiki Kajiwara (Jepun), Kim Jongjun (Korea Selatan), Lucas Mazur (Perancis) dan Qu Zimo (China) juga disenaraikan pendek dalam kategori sama dengan Liek Hou.

Dalam pada itu dua pemain Denmark iaitu Juara Olimpik Tokyo Viktor Axelsen dan Anders Antonsen akan bersaing dalam kategori Pemain Lelaki Terbaik Tahunan dengan dua lagi pemain, Wang Yi Lyu dari China dan Yuta Watanabe dari Jepun.

Calon-calon bagi kategori Pemain Wanita Terbaik Tahunan adalah wakil China Chen Yu Fei diikuti Carolina Marin dari Sepanyol, Tai Tzu Ying (China Taipei) dan Akane Yamaguchi (Jepun).

Bagi kategori Beregu Terbaik Tahunan, lima pasangan berpeluang memenangi kategori itu termasuk Kim Soyeong-Kong Heeyong dari Korea Selatan, Greysia Polio-Apriliani Rahayu (Indonesia), Wang Yi Lyu-Huang Dong Ping (China), Wang Chi-Lin-Lee Yang (China Taipei) dan wakil Jepun Yuta Watanabe-Arisa Higashino.

Pemenang-pemenang akan diumumkan pada Jelajah Dunia BWF Indonesia di Bali yang akan berlangsung dari 1 hingga 5 Disember. - BERNAMA



LEE Zii Jia (Kredit: Facebook Lee Zii Jia)

KBS perkenal mySukan TV

KUALA LUMPUR - Menyedari sukan di peringkat akar umbi di Malaysia kurang menarik perhatian ramai, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil inisiatif mewujudkan saluran sukan baharu, 'mySukan TV' yang bakal menyiarkan pelbagai kejohanan sukan.

Menterinya Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata saluran sukan yang dikendalikan konglomerat sosial KBS, 'Impact Integrated' itu merupakan usaha untuk meluaskan skop program pembangunan sukan akar umbi dari peringkat sekolah sehingga antarabangsa dan menjadikannya lebih mudah diakses masyarakat.

"Program utama di mySukan TV merangkumi siaran secara langsung perlawanan atau kejohanan sukan akar umbi di Malaysia bagi peringkat sekolah rendah sehingga peringkat antarabangsa, program-program perkongsian maklumat dan tip (panduan) sukan harian, penerbitan berita serta program bual bicara bersama atlet, jurulatih dan agensi sukan," katanya dalam satu kenyataan pada 12 Nov.

Ahmad Faizal pada masa sama

turut mengalui-alukan kerjasama strategik daripada sektor swasta bukan sahaja sebagai penaja program sukan akar umbi, malah berkongsi ilmu dan menyokong inisiatif mySukan TV.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Impact Integrated Ahmed Faris Amir berkata antara fokus utama lain saluran itu adalah memberi pendedahan dan peluang kepada penggiat sukan untuk menjana pendapatan melalui penyiaran acara dan perlawanan sukan secara langsung di laman web mySukan TV atau media sosial.

Ahmed Faris berharap mySukan TV dapat memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk menyokong gerakan sukan baharu itu sambil menggalakkan mereka menjalani gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai program dan aktiviti mySukan TV boleh melayari laman web www.mysukan.tv atau platform media sosial, Facebook dan Instagram@mysukan.tv, Twitter @MySukan_TV dan YouTube@mySukan TV. - BERNAMA



PERODUA SALES SDN BHD

(CAWANGAN UTAMA MELAKA)

3S

SALES • SERVICE • SPARE PART



0%
SST EXTENDED

- ✓ PROSES SEGERA
- ✓ PEMBELIAN ATAS TALIAN (ONLINE)
- ✓ PENGHANTARAN CEPAT
- ✓ TRADE IN TERUS KE PERODUA
- ✓ PEMBAHARUAN INSURAN DAN CUKAI JALAN



NORASLINDA
Sales Advisor
017-665 6836



LOH
Sales Advisor
017-662 6822



HAZWAN
Sales Advisor
017-310 8798



FAIZ
Sales Advisor
013-704 1318



AZRUL
Sales Advisor
011-3921 6515



HAFIZ
Sales Advisor
016-266 0544



AMIRAH
Sales Advisor
019-744 5646

ALZA
PRICE FROM
RM49,944

MYVI
PRICE FROM
RM41,292

ARUZ
PRICE FROM
RM68,526

ATIVA
PRICE FROM
RM61,500

BEZZA
PRICE FROM
RM33,456

AXIA
PRICE FROM
RM23,367



**DON'T WAIT UNTIL YEAR END!
BOOK NOW WHILE TAX HOLIDAY CONTINUES**

*Price shown are after SST exemption (excluding insurance) and differ in East Malaysia, Langkawi and Labuan. Terms and conditions apply.



MELAKA HARIINI / 15 - 21 NOVEMBER 2021

Sukan

MELAKA HARI INI

Zii Jia kini
di puncak

23



PEMAIN Melaka United meraikan kemenangan 2-0 ke atas Kedah Darul Aman FC, sekali gus melayakkan muncul juara kumpulan C (FOTO: Melaka United FC)

(FOTO: Melaka United FC)



Ke 'Bukit Jalil' kah kita?

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PRESTASI cemerlang Kelab Bolasepak Melaka United (MelakaUnited FC) sejak akhir-akhir ini mula menjadi sebutan pemerhati bola sepak tanah air termasuklah penyokong skuad Hang Tuah sendiri.

Walaupun prestasi dalam saingan Liga Super musim ini berakhir hambar dengan sekadar menduduki tangga ke-8 selepas mengharungi 22 perlawanan, namun pasukan itu tiba-tiba sahaja berubah wajah dalam saingan Piala Malaysia.

Apa tidaknya, Melaka United seakan menggilas apabila mencatat lima kemenangan (termasuk satu kemenangan percuma dari Negeri Sembilan FC) dan sekali seri, sekali gus melayakkan mereka muncul juara Kumpulan C.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan, prestasi semasa skuad kendalian Zainal Abidin Hassan setakat artikel ini ditulis adalah yang terbaik yang pernah disaksikan dalam kancan Piala Malaysia.

Melihat kepada rentak positif yang ditampilkan, tidak mustahil untuk pasukan bola sepak dari bumi bersejarah ini mencipta rekod baharu beraksi di pentas final piala keramat negara itu.

Nada keyakinan sama turut disuarakan kelab penyeckong Melaka United yang kini sudah berkira-kira untuk melihat pasukan kesayangan mereka beraksi di Stadium Nasional Bukit Jalil bagi aksi final.

Bagi Kelab Penyokong Tegar Melaka United, perkara itu dilihat tidak mustahil direalisasikan memandangkan laluan

pasukan itu di suku akhir dan separuh akhir dilihat agak sesa.

Pengasasnya yang mesra dengan panggilan Rinkashi atau Abang Rin berkata, semangat berbezaya yang ditampilkan pemain sejak awal saingan Piala Malaysia, seakan-akan mewujudkan harapan penyokong untuk melihat satu lagi trofi tersemat di bumi Melaka.

"Harapan penyokong sudah terang lagi bersuluh mahukan pasukan melakukan yang terbaik untuk mara sehingga ke pentas final.

"Cuma tinggal baki empat perlawanan sahaja iaitu di suku akhir dan separuh akhir untuk kita mencipta sejarah pada edisi ke-100 Piala Malaysia ini.

"Bagi kami sebagai penyokong, mara ke final sahaja sudah cukup membanggakan, namun seandainya menang ia dikira bonus dan hadiah paling berharga untuk rakyat Me-

"Tentang isu lain seperti (kegagalan mendapatkan) lesen jualan di atas jalan, ia bukanlah perkara yang penting," katanya.

"Yang sudah terang di depan mata ini perlu kita manfaatkan bagi membolehkan kita menjulang piala dan membuka mata semua bahawa bola sepak Melaka juga mampu mencapai hasil yang baik."

"Di pihak penyekong kami juga berharap akan berlaku

sesuatu yang positif pada musim depan terutamanya dalam mentransformasikan pasukan ke satu tahap yang lebih baik lagi," katanya.

Untuk rekod, di suku akhir Melaka United bakal menentang Sabah FC dalam aksi timbal balik yang berlangsung pada 14 dan 18 Nov ini.

Seandainya mara ke separuh akhir, mereka bakal berdepan sama ada Kuala Lumpur City FC atau Selangor FC pada aksi yang dijadual pada 22 dan 26 Nov nanti.

The banner features a dark blue background with white and light blue geometric patterns. At the top center is the Piala Malaysia logo, which includes a shield with a traditional figure and the text "PIALA MALAYSIA". Below the logo is the main title "JADUAL PERLAWANAN" in large white letters, followed by "Suku Akhir kedua" in smaller white letters. In the bottom left corner is the Melaka United FC logo, which features a green circular design with a tree and the club's name. In the bottom right corner is the Sabah FC logo, which features a blue circular design with a soccer ball and the club's name. The date and time "18 November | 9.00 malam" and the venue "Stadium Hang Jebat" are centered at the bottom.